

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB TULIS

PT02/21/2025

1

No. Soalan: PT048

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dalam menstabilkan dan mengemaskini sistem PSC, memandangkan sistem tersebut sering mengalami gangguan dan tidak dikemas kini, sekali gus menyukarkan pencari kerja dalam sektor kerajaan?

JAWAPAN:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- I. Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan di atas pertanyaan mengenai tindakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dalam menstabilkan dan mengemaskini sistem PSCR 2.0.
- II. Tindakan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dalam menstabilkan dan mengemaskini sistem PSCR 2.0 adalah penting untuk memastikan sistem tersebut dapat berfungsi dengan lancar dan efisien bagi kegunaan para pencari kerja. Semenjak PSCR dilancarkan pada 7 September 2021, sistem berkenaan hanya pernah mengalami gangguan sebanyak sekali yang mana telah menyebabkan sistem PSCR untuk mengalami downtime bermula 17 April 2025 sehingga 8 Jun 2025. Ianya disebabkan oleh gangguan di luar kawalan pihak Pejabat SPA dan telah ditangani secara dengan kerjasama pihak Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC). Sepertimana jua penyelenggaraan sistem-sistem lain, penyelenggaraan sistem PSCR 2.0 dilaksanakan secara berkala dan berancang yang menyebabkan sistem tidak dapat diakses dalam tempoh berkenaan. Walau bagaimanapun, ianya hanya

dilakukan sekali atau dua kali sahaja dalam sebulan dan dilaksanakan di luar waktu puncak (outside peak hours).

III. Bagi mengelakkan gangguan sistem kepada sistem PSCR, SPA sentiasa berusaha untuk memastikan kestabilan dan pengemaskinian sistem PSCR 2.0 melalui beberapa tindakan secara berterusan seperti berikut:

1. **Pemantauan sistem secara proaktif:** Pejabat SPA bekerjasama dengan pihak Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) untuk sentiasa membuat pemantauan kepada sistem PSCR 2.0 bagi memastikan sistem tersebut stabil dan berjalan seperti yang dikehendaki. Pemantauan tersebut termasuk dari segi Perisian Sistem PSCR 2.0, Perisian Server dan Keselamatan Siber Sistem PSCR 2.0 yang mana audit keselamatan dan Ujian Penembusan (penetration test) dibantu oleh pihak EGNC.
2. **Penyelenggaraan Berkala dan Berjadual:** Penyelenggaraan berkala dan berjadual dilaksanakan di luar waktu sibuk bagi memastikan tidak ada gangguan di sepanjang penyelenggaraan dibuat termasuk mengemaskini sistem PSCR 2.0. Penyelenggaraan berjadual secara purata hanya mengambil masa kurang daripada 15 minit, manakala penyelenggaraan yang tidak berjadual lazimnya tidak akan mengambil masa lebih daripada sehari.
3. **Penyelesaian masalah dengan cepat:** Pejabat SPA komited untuk menangani sebarang isu berkaitan Sistem PSCR 2.0 dengan segera dan berkesan. Sebarang isu kecil seperti keralatan atau masalah muat naik, lazimnya dapat diselesaikan dalam tempoh kurang daripada satu hari bekerja, dan tidaklah menjejaskan keseluruhan operasi sistem. Jika terdapat isu yang lebih kompleks, Pejabat SPA akan memberikan keutamaan dan tumpuan penuh sehingga penyelesaian dapat dicapai sepenuhnya dengan bekerjasama dengan agensi yang berkaitan seperti EGNC, dengan memastikan operasi sistem kekal berjalan dengan lancar.
4. Dalam masa yang sama, bagi membantu pengguna PSCR dan sebagai usaha meningkatkan kecekapan PSCR, SPA melaksanakan tindakan-tindakan berikut:
 - 4.1. **Khidmat Bantu bagi Pengguna:** Bagi pengguna PSCR 2.0 yang menghadapi kesukaran dalam mengakses atau menggunakan sistem tersebut, Pejabat SPA menyediakan saluran komunikasi rasmi melalui Unit Perhubungan Awam. Pengguna boleh menghubungi talian bantuan WhatsApp di

+673 7371961 atau emel rasmi di query@spa.gov.bn bagi tujuan pertanyaan, aduan, atau pemakluman isu teknikal.

- 4.2. **Kajian mengenai teknologi terkini:** Pejabat SPA sentiasa meneliti dan menilai perkembangan teknologi semasa yang berpotensi meningkatkan kecekapan dan keupayaan Sistem PSCR 2.0. Ini termasuk penerokaan terhadap penggunaan AI, automasi proses, serta integrasi sistem dengan platform digital Kerajaan yang lain. Usaha ini bertujuan untuk memastikan PSCR 2.0 kekal relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan, di samping meningkatkan pengalaman pengguna, mempercepat proses pengambilan, serta memastikan ketelusan dan kebolehkesanan sistem secara menyeluruh

- IV. Pejabat SPA tetap komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pengguna dengan memperkukuh kerjasama bersama pakar, khususnya EGNC, serta memperkasa keupayaan dalaman SPA seperti memberkesankan fungsi Unit Teknologi Maklumat.

Sekian saja yang dapat Kaola sampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PT049

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan adakah penurunan kadar pengangguran di Brunei dipengaruhi oleh penyertaan peserta Skim Perantis Perkhidmatan Awam (SkiPPA)? Sejauh mana program ini menyumbang kepada peluang pekerjaan jangka panjang?

JAWAPAN:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- I. Kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan** atas pertanyaan mengenai penurunan kadar pengangguran sama ada dipengaruhi oleh penyertaan peserta Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), dan sumbangan program ini terhadap peluang pekerjaan jangka panjang.

Penurunan kadar pengangguran di Negara Brunei Darussalam

- II. Berdasarkan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2024, yang telah dikendalikan, kadar pengangguran bagi tenaga kerja berumur 18 tahun ke atas mencatatkan penurunan kepada 4.7 peratus, berbanding tahun sebelumnya.
- III. Penurunan ini disumbangkan oleh beberapa faktor utama, antaranya:
 - **Peningkatan sebanyak 4 peratus dalam jumlah pekerja sektor swasta**, terutamanya dalam sektor Perdagangan Borong dan Runcit; Pembuatan (khususnya dalam sektor Petrokimia); Perkhidmatan Sokongan; Perkhidmatan Makanan dan Penginapan; dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi; dan
 - **Pertumbuhan dalam kategori bekerja sendiri**, yang sejajar dengan perkembangan aktiviti keusahawanan serta peralihan struktur ekonomi ke arah ekonomi gig.

Peranan SkiPPA dalam statistik Pengangguran 2024

- IV. **Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA)** mula dilaksanakan pada **bulan November 2024**, dengan penyertaan seramai **833 perantis** pada tahun 2024. Namun demikian, oleh kerana para perantis hanya melapor diri ke agensi masing-masing pada bulan Disember 2024 atau awal tahun 2025, mereka belum diambil kira dalam KTK 2024 dan masih dikategorikan sebagai belum bekerja semasa tempoh pelaksanaan KTK 2024.
- V. Sehubungan itu, **penyertaan perantis dalam SkiPPA tidak menyumbang secara langsung kepada penurunan kadar pengangguran bagi tahun 2024**. Walau bagaimanapun, kesan positif program ini dijangka lebih ketara dalam Kajian Tenaga Kerja 2025, apabila penyertaan mereka diambil kira sepenuhnya.

Sumbangan SkiPPA terhadap Peluang Pekerjaan Jangka Panjang

- VI. SkiPPA dirangka sebagai satu **inisiatif strategik untuk memperkasa modal insan**, khususnya dalam kalangan belia, dengan menyediakan platform pengalaman kerja sebenar dalam sektor perkhidmatan awam. Melalui penyertaan dalam program ini, para perantis berpeluang untuk meningkatkan kemahiran kerja dan kebolehpasaran mereka; membina daya saing dalam pasaran pekerjaan yang semakin mencabar; dan mendapat pendedahan langsung kepada suasana dan etika kerja sektor awam.
- VII. Adalah diharapkan agar pengalaman yang diperolehi akan **digunakan sepenuhnya bagi mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam**, tertakluk kepada ketersediaan jawatan yang bersesuaian; dan prestasi kerja cemerlang sepanjang tempoh perantisan.

Peluang Lanjutan di Luar Sektor Awam

- VIII. Selain itu, pengalaman yang diperolehi menerusi SkiPPA juga dihasratkan untuk memperluas prospek kerjaya para perantis dalam sektor swasta; dan meningkatkan keyakinan diri mereka untuk menceburi bidang **keusahawanan** atau **pekerjaan sendiri**. Ini adalah selaras dengan aspirasi kerajaan untuk melahirkan **tenaga kerja yang serba boleh, berkemahiran tinggi, dan bersedia menghadapi cabaran ekonomi masa hadapan**.
- IX. Walaupun penyertaan dalam SkiPPA belum menyumbang secara langsung kepada penurunan kadar pengangguran tahun 2024, **ia merupakan pelaburan jangka panjang dalam pembangunan tenaga kerja negara**. Dengan pelaksanaan yang berterusan dan pemantauan rapi, program ini

Insya Allah mampu meningkatkan peluang pekerjaan dan mengurangi pengangguran secara berkesan dalam tahun-tahun mendatang.

Sekian saja yang dapat Kaola sampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PT056

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak RTB dapat memberi 'air time' yang cukup untuk membuat liputan isu-isu ekonomi dengan banyak menumpukan kepada berita-berita mengenai projek-projek kerajaan yang sudah, sedang dan akan berjalan agar rakyat dapat mengetahui sejauh mana perancangan dan projek-projek di bawah Wawasan Brunei 2035 mencapai sasaran.

JAWAPAN:**Yang Berhormat Yang Di-Pertua**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- I. Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih atas pertanyaan **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman**, mengenai soalan Yang Berhormat, iaitu sama ada RTB dapat memberikan 'air time' yang mencukupi untuk membuat liputan isu-isu ekonomi.
- II. Setakat ini tidak ada 'air time' yang dijadualkan secara terancang bagi program-program yang meliputi isu-isu ekonomi yang menyetengahkan projek-projek di bawah Wawasan Brunei 2035.
- III. Walau bagaimanapun, RTB **mempunyai program-program TV and radio yang menyetengahkan elemen-elemen ekonomi**, seperti berikut:-
 - Sebanyak 45% bahan berita dalam tempoh satu minggu adalah mengenai ekonomi, berbanding 30% bahan adalah mengenai ugama, manakala selebihnya 25% adalah mengenai liputan acara-acara kenegaraan, berita serantau dan antarabangsa serta sukan.
 - **Berita Ekonomi** merupakan segmen khas yang menampilkan isu-isu dan perkembangan terkini berkaitan ekonomi, termasuk laporan pasaran, kegiatan perniagaan tempatan dan antarabangsa, serta dasar-dasar Kerajaan. Ini

disiarkan pada setiap hari Isnin, pada jam 2.30 petang dengan durasi selama 20 minit.

- Bagi rancangan radio pula, setiap rangkaian radio daripada lima (5) rangkaian radio yang ada menyiarkan secara purata dalam tempoh seminggu 45 minit air time maklumat berhubung ekonomi atau kewangan. Perbandingan air time dengan sektor yang lain adalah seperti di Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Jadual masa siaran (*allocated air time*) (jam/minggu)

	JADUAL MASA SIARAN (JAM/MINGGU)					PURATA JAM /MINGGU	PURATA MINIT/ MINGGU
	NUR ISLAM FM	NASIONAL FM	PILIHAN FM	HARMONI FM	PELANGI FM		
BERITA	9.8	14	10.5	11.9	9.8	0.83	50
HAL EHWAL SEMASA	1.5	1	1	1	0.25	1.50	90
EKONOMI/ KEWANGAN	0.5	1	1	0.25	1	0.75	45
MOTIVASI	3	1	0.25	1	0.5	0.75	45
KEUGAMAAN	4	2	0.25	1	0.5	44.00	2640
DRAMA	0.5	0.5	0.5	0.25		2.00	120
HIBURAN	30	30	30	65	65	44.00	2640
MAJALAH	0.5	1	1	-	-	0.83	50
PENDIDIKAN	1.5	2	1	-	-	1.50	90
CERAMAH	3	1	-	-	-	2.00	120
DOKUMENTARI	1	0.5	-	-	-	0.75	45
BUAL BICARA	5	1	0.5	-	-	2.17	130
LIVE WAWANCARA	5	5	5	5	5	5.00	300
INSPIRASI	0.5	1	0.25	-	-	0.58	35
KESIHATAN	0.5	0.5	0.25	-	-	0.42	25
INFOTAINMENT	-	-	-	25	-	25.00	1500
INFO	-	10	10	-	-	10.00	600
KEKELUARGAAN	1	1	0.25	1	-	0.81	48.75
SUKAN		0.5	0.25	1	0.5	0.56	33.75
JUMLAH AIRTIME ALLOCATED	67.3	73	62	112.4	82.55		

Nota: Jumlah jam siaran tidak termasuk siaran ulangan di rangkaian Nur Islam FM, Pilihan FM dan Nasional FM

- IV. Jabatan Radio dan Televisyen Brunei menyiarkan beberapa **rancangan-rancangan radio yang bertemakan ekonomi** disiarkan melalui tiga (3) saluran utama RTB Radio seperti berikut:
- **Pelangi FM**
 - Biz914
 - IBajet
 - **Nasional FM**
 - 2035 (12 episod)
 - Info Daerah
 - Wacana Belia
 - **Pilihan FM**
 - Wealth Wisdom Wonderland
 - Financial Tips
 - Biz Brunei
 - ASEAN News Headlines
 - 1 Community 1 Nation
 - Entrepreneur Journey
- V. Berkaitan dengan pembarigaan pencapaian-pencapaian Wawasan 2035, RTB juga menerbitkan rancangan TV khas bertajuk “**Bual Bicara Liputan Semasa: Ke Arah Wawasan Brunei 2035**”, hasil kerjasama dengan Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035. Rancangan ini mengetengahkan perkembangan, pelaksanaan, dan pencapaian Wawasan Brunei bagi tempoh 2015 hingga 2025, dan mengemukakan data dan maklumat daripada Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 dan Kementerian-kementerian serta Jabatan-jabatan pelaksana. Rancangan ini turut memuatkan pandangan masyarakat mengenai perkembangan dan pencapaian yang dikecapi dan seterusnya meningkatkan lagi kesedaran orang ramai. Ianya disiarkan sebulan sekali bermula Jun 2025 pada jam 7:20 malam, menerusi 12 episod dengan durasi 20 minit setiap satu. Siaran rakaman juga tersedia untuk tontonan semula melalui platform *digital RTBGo*.
- VI. Kandungan dalam rancangan khas ini juga turut disesuaikan dan dimuatkan sebagai perisian produk berita TV dan radio dengan pendekatan berbeza dalam beberapa siri, tertakluk pada kandungan rancangan khas “Bual Bicara Liputan Semasa: Ke Arah Wawasan Brunei 2035”.
- VII. Kesimpulannya, berpandukan kepada Jadual 1 di atas, dapatlah dirumuskan bahawa usaha perlu difokuskan kepada penambahan jumlah airtime bagi subjek ekonomi ekonomi/kewangan berbanding subjek lain seperti hiburan, infotainment dan keagamaan. Namun demikian penambahan ini adalah juga

tertakluk kepada kesesuaian perisian serta ketersediaan slot-slot lainnya mengambil kira keperluan serta keutamaan rancangan-rancangan yang diperlukan nanti. Setentunya, perkara ini akan memerlukan penyelarasan dan sokongan agensi-agensi yang relevan seperti Kementerian Kewangan dan Ekonomi, terutama sekali dalam membarigakan projek-projek strategik yang menjadi keutamaan Negara serta memberikan impak kepada orang awam.

Sekian saja yang dapat Kaola sampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PT067

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian merancang memperkukuhkan perlindungan undang-undang terhadap keganasan rumah tangga melalui akta yang komprehensif dan inklusif (termasuk lelaki), serta menyediakan sokongan efektif kepada mangsa?

JAWAPAN:**Yang Berhormat Yang Di-Pertua**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- I. Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin** mengenai persoalan isu memperkukuhkan perlindungan undang-undang terhadap keganasan rumah tangga melalui akta yang komprehensif dan inklusif (termasuk lelaki), serta menyediakan sokongan efektif kepada mangsa.
- II. Dari aspek perundangan, meskipun ianya tidak di bawah mana-mana satu undang-undang, ada terdapat beberapa undang-undang yang menangani isu tersebut secara komprehensif.
- III. Dalam menjawab soalan Yang Berhormat, izinkan Kaola menjawabnya dari dua aspek, iaitu pertama sekali dari aspek perundangan dan kedua dari aspek dasar.

ASPEK PERUNDANGAN

- IV. Antara undang-undang yang dimaksudkan adalah:

- **Kanun Hukuman Jenayah (Penggai 22) dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah (2013)**

Kedua-dua akta tersebut telah memperuntukkan bahawa adalah sesuatu kesalahan jika mana-mana individu menggunakan kekerasan ke atas individu yang lain. Meskipun ini adalah kesalahan am, namun

ianya juga merangkumi keganasan rumah tangga dengan tidak mengambil kira jantina pelaku atau mangsa.

- **Akta Undang-Undang Keluarga Islam dan Akta Perempuan Bersuami**

Perintah Perlindungan (Protection Order) boleh dipohonkan dengan tidak mengambil kira jantina, iaitu berdasarkan Dharar Sharie seperti yang diperuntukkan di bawah bab 60B Akta Undang-Undang Keluarga Islam bagi yang beragama Islam, manakala bagi mereka yang tidak beragama Islam ianya diperuntukkan di bawah Bab 18B, Akta Perempuan Bersuami (Penggag 190).

Tambahan pada itu, perlindungan dari keganasan rumah tangga tersebut juga dapat dilartakan kepada Ahli Keluarga termasuk anak, ibu, bapa, ibu mertua, bapa mertua, suami/isteri, bekas suami/isteri, datuk/nenek dan mana-mana orang yang dianggap Ahli Keluarga dari pandangan pihak Mahkamah.

Tambahan pada itu terdapat juga, kuasa yang diperuntukkan di bawah undang-undang tersebut yang memberikan kuasa bagi pihak Pasukan Polis Diraja Brunei dan mana-mana pegawai penguatkuasa untuk mengambil tindakan segera seperti menahan mana-mana individu jika dipercayai adanya keganasan rumah tangga termasuk juga kepada mana-mana ahli keluarga.

- V. Kedua-dua undang-undang berkenaan juga memperuntukkan beberapa kuasa atau hak yang dinilai menyumbang kepada perlindungan dari keganasan rumah tangga secara komprehensif iaitu dari aspek perundangan. Ini termasuk, peruntukkan bagi memperolehi *expedited order* jika ianya diperlukan, hak bagi mangsa untuk menuntut pampasan (compensation), memperluaskan tanggungjawab pegawai penguatkuasa¹ dan memperuntukkan *Place of Protection*
- VI. Secara ringkasnya, adalah dinilai bahawanya undang-undang yang sedia ada memperuntukkan hak dan kuasa yang komprehensif dengan tidak mengambilkira jantina.

¹ (a) assisting a victim to file a complaint regarding the Dharar Syar'ie/Domestic Abuse; (b) providing or arranging transportation for the victim to an alternative residence or to a place of protection if such transportation is required; (c) providing or arranging transportation for the victim to the nearest hospital or medical facility for treatment of injuries if such treatment is needed; (d) explaining to the victim his rights to protection against Dharar Syar'ie/Domestic Abuse; (e) accompanying the victim to his residence or previous residence to collect his personal belongings; (f) such other duties as are necessary or expedient for giving effect to and carrying out the provisions of this Part.

ASPEK DASAR

VII. Seterusnya dari aspek dasar, beberapa langkah dan inisiatif telah dilaksanakan bagi menyumbang kepada memperkukuhkan perlindungan undang-undang terhadap keganasan rumah tangga. Antara langkah serta inisiatif utama yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Keganasan rumah tangga merupakan isu sosial yang semakin diberi perhatian oleh kerajaan melalui pelbagai pendekatan holistik dan bersepadu. Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) memainkan peranan utama sebagai platform penyelarasan dasar dan tindakan antara agensi-agensi berkaitan dalam menangani isu-isu sosial utama di negara ini, termasuk keganasan rumah tangga.
- Dari sudut penguatkuasaan undang-undang dan penyiasatan, Pasukan Polis Diraja Brunei, melalui Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak (USJPWK), serta agensi berkaitan seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Kementerian Kesihatan, sentiasa melaksanakan tanggungjawab mereka secara adil tanpa mengira jantina mangsa. Setiap laporan keganasan rumah tangga disiasat secara profesional dan mengikut prosedur yang sedia ada.
- Di bawah bidang keutamaan MKIS, beberapa jawatankuasa kerja telah ditubuhkan menumpukan kepada aspek perlindungan mangsa penderaan, peningkatan kesedaran awam, serta penyelarasan antara pihak penguatkuasa, institusi kebajikan dan kesihatan. MKIS juga telah mengenal pasti bahawa keganasan rumah tangga bukan hanya memberi kesan kepada semua ahli rumah tangga. Dalam hal ini, MKIS menyokong pendekatan perlindungan inklusif dan tidak bersifat diskriminasi terhadap semua mangsa.
- Selain itu, Brunei Darussalam melalui wakilnya dalam ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC) turut menyokong usaha serantau dalam membanteras keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak serta mempromosi kesaksamaan jantina (gender equality). ACWC telah mengemukakan panduan dan pelan tindakan serantau yang juga menyentuh tentang keperluan untuk inklusiviti dalam perlindungan mangsa keganasan rumah tangga, serta keperluan menyediakan dan menambah baik mekanisme sokongan dari segi undang-undang dan perkhidmatan.

- Antara inisiatif yang telah atau sedang diusahakan melalui MKIS dan ACWC termasuklah:
 - Penyediaan garis panduan dan protokol intervensi yang lebih inklusif untuk keganasan rumah tangga;
 - Kempen kesedaran awam untuk menggalakkan semua mangsa tampil membuat laporan tanpa rasa takut atau malu;
 - Pemerkasaan latihan profesional barisan hadapan seperti Polis, pekerja sosial dan petugas kesihatan mengenai sensitiviti jantina dalam menangani keganasan rumah tangga; dan
 - Kajian semula dasar dan perundangan sedia ada agar lebih responsif terhadap pelbagai bentuk keganasan, termasuk penderaan emosi dan psikologi.

VIII. Secara kesimpulannya dengan adanya undang-undang yang komprehensif dan insiatif yang berterusan, ianya menunjukkan bahawa pihak Kerajaan mengambil berat ke atas isu keganasan rumah tangga. ix. Dalam pada itu cadangan Yang Berhormat bagi memperkukuhkan lagi peruntukan undang-undang berhubung dengan keganasan rumah tangga adalah diambil baik dan Kementerian ini akan terus meneliti keperluan pindaan serta penambahbaikan kepada undang-undang dengan mengambilkira juga keperluan serta perkembangan semasa pada memastikan hak kesemua individu termasuk yang vulnerable adalah sentiasa terjaga bagi mengekalkan keamanan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam.

Sekian saja yang dapat Kaola sampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PT075

PERTANYAAN : BERTULIS**DARIPADA : PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF****SOALAN:**

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penilaian terhadap keberkesanan pemprosesan pengisian dan pelantikan jawatan Perkhidmatan Awam Bahagian II ke bawah sejak kuasa SPA dipindahkan ke Kementerian pada 2024 dari segi kecekapan, keberkesanan, integriti dan kesaksamaan?

JAWAPAN:**Yang Berhormat Yang Di-Pertua**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

1. Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof** di atas pertanyaan mengenai penilaian terhadap keberkesanan pemprosesan pengisian dan pelantikan jawatan Perkhidmatan Awam Bahagian II ke bawah sejak kuasa SPA dipindahkan ke Kementerian pada 2024 dari segi kecekapan, keberkesanan, integriti dan kesaksamaan.
2. Pihak SPA secara berterusan memantau dan menilai kemajuan proses pelantikan dengan kerjasama rapat Urus Setia Pengambilan Kementerian (USPK) setiap Kementerian. Pemantauan dilaksanakan antaranya melalui sistem PSCR yang digunapakai oleh USPK untuk mengetahui tahap kecekapan seperti pencapaian TPOR setiap peringkat secara evidence-based.
3. Bagi menilai keberkesanan pelaksanaan peralihan ini, antara inisiatif yang telah dan sedang giat dijalankan adalah seperti berikut:

- i. Kajian Keberkesanan Proses Pengambilan telah dilaksanakan pada November 2024, enam bulan selepas peralihan kuasa, bagi mengetahui cabaran dan isu serta mendapatkan maklumbalas berkaitan pelaksanaan proses pengambilan di USPK-USPK bagi mengetahui tahap pelaksanaan mereka agar penambahbaikan dan bantuan lanjut dapat diberikan. Kajian berkenaan telah dilaksanakan secara kuantitatif dan kualitatif, dengan menggunakan kaji selidik melalui kaedah questionnaire kepada ketua-ketua, pegawai-pegawai dan kakitangan USPK (kumpulan sasaran) yang seterusnya diikuti dengan sesi temu duga kumpulan fokus bersama USPK pada 28 dan 30 November 2024. Kajian ini melibatkan soal selidik dan temu duga kumpulan fokus untuk mengenal pasti cabaran serta prestasi pelaksanaan oleh USPK. Hasil dapatan kajian selidik tersebut telah membolehkan pejabat SPA untuk memperkenalkan langkah-langkah mitigasi bagi menambahbaik dan meningkatkan lagi keberkesanan proses berkenaan, termasuklah inisiatif pengenalan Smart Screening dan Smart Masterlist.
 - ii. Pejabat SPA juga melaksanakan sesi lawatan secara berterusan (roving) untuk membimbing, memberi sokongan dan meningkatkan kefahaman USPK dan capacity building dalam memproses pengisian jawatan kosong dan juga melalui pengukuhan mekanisme jaminan kawalan kualiti (quality control) terhadap proses-proses pengambilan. Setakat ini, Pejabat SPA telah melaksanakan sebanyak 106 sesi lawatan (roving) bagi memastikan setiap peringkat proses pengambilan, iaitu daripada perakuan, ujian, temu duga hingga penyediaan kertas kerja sokongan, dilaksanakan dengan penuh ketelusan dan keteraturan, yang mana kekerapan lawatan / perjumpaan roving kini berkurangan dan lebih bergantung kepada keperluan semasa USPK memandangkan mereka telah menunjukkan peningkatan kemahiran dalam melaksanakan proses-proses serta menunjukkan tahap komitmen yang tinggi.
4. Dari sudut kecekapan pelaksanaan, masih terdapat jurang untuk diperbaiki lagi mengambil kira sumber yang terhad di pihak agensi Kerajaan terutama sekali dari sudut tenaga kerja yang mencukupi dan terlatih. Namun, pelbagai usaha telah diperkenalkan untuk mempercepatkan proses secara berfasa seperti berikut:
 - i. Pengenalan ciri Smart Screening dan Smart Masterlist dalam sistem PSCR 2.0 bagi menggantikan proses manual semakan ribuan pemohon yang diterima bagi mempermudah dan mempercepatkan proses perakuan, dimana ciri Smart Screening ini memberikan

panduan maklumat yang perlu disemak mengikut keperluan skim perkhidmatan manakala ciri Smart Masterlist berkeupayaan menjana senarai pemohon lengkap bersama maklumat yang diperlukan secara automatik. Ini menjadikan proses perakuan lebih pantas dan teratur, yang mana penyediaan masterlist di peringkat pertama, secara puratanya mengambil masa 56 hari untuk disiapkan secara manual, kini boleh berkeupayaan menjana senarai pemohon lengkap bersama maklumat yang diperlukan dalam **hanya beberapa minit** sahaja melalui Smart Screening dan *Smart Masterlist*.

- ii. Pendekatan **2-Step Verification** juga diperkenalkan bagi mengurangkan beban semakan manual dan memfokuskan penelitian kepada calon-calon yang telah disenarai pendek untuk ke proses temu duga;
 - iii. Di samping itu, **Kempen Langis Pengiklanan** dilaksanakan untuk mempercepatkan pengeluaran iklan jawatan kosong dengan mengurangkan kebergantungan terhadap pengesahan skim soalan oleh Ketua USPK, bagi mengurangkan *backlog* permohonan pengiklanan.
 - iv. Penubuhan Bahagian Sumber Manusia (*HR Structure*) di setiap Kementerian, yang akan menumpukan tenaga sepenuhnya dalam memberkesankan pengurusan sumber manusia termasuk proses pengambilan. Namun, inisiatif ini memerlukan penelitian terperinci dan tindakan teratur mengambil kira penubuhannya memerlukan tindakan trade off jawatan-jawatan kosong tanpa menjejaskan dengan signifikan keperluan jawatan di masa akan datang.
5. Manakala bagi menjamin integriti dan kesaksamaan dalam proses peralihan ini, proses pengambilan yang dilaksanakan oleh Kementerian kekal berasaskan prinsip merit dan kelayakan selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh SPA. Dalam memastikan keseragaman, keadilan dan kecekapan dalam setiap pengambilan, Pejabat SPA melaksanakan beberapa perkara berikut:
- i. Mekanisme **jaminan kawalan kualiti (*quality control*) proses-proses pengambilan**, iaitu bagi proses perakuan (*shortlisting*) dan proses ujian dan bagi penyediaan soalan ujian, sebagai kaedah dalam menyediakan laporan maklum balas, mengenal pasti ketidakpatuhan terhadap garis panduan, serta menilai tahap kepakaran USPK dalam melaksanakan proses pengambilan. Hasil daripada quality control tersebut, telah menunjukkan peningkatan kepakaran yang ketara bagi

penyediaan soalan ujian selaras dengan piawaian yang ditetapkan, yang mana secara keseluruhan 60% USPK Kementerian adalah di tahap 'Mencapai' & 'Pakar'; dan

- ii. Sebagai halatuju seterusnya, dengan pelaksanaan peralihan peranan ini, Pejabat SPA kini telah mula mengemaskini satu **Kerangka Jaminan Kualiti bagi proses pengambilan ke dalam Perkhidmatan Awam (*Quality Assurance Framework for Public Service Recruitment Process*)**. Kerangka ini disasarkan untuk beroperasi pada tahun 2026, yang mana Pejabat SPA akan mengukuhkan peranannya sebagai central oversight body bagi pengambilan perkhidmatan awam melalui kaedah pelaksanaan (modus operandi) secara kitaran. Kitaran ini akan merangkumi aktiviti pengauditan dan mekanisme maklum balas yang akan menjadi elemen-elemen penting bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian-piawaian proses pengambilan yang telah ditetapkan serta melaksanakan proses pengisian jawatan secara adil dan telus. Kerangka ini akan memastikan piawaian pengambilan perkhidmatan awam terus terpelihara di semua peringkat pelaksana.
6. Secara keseluruhannya, pelaksanaan peralihan peranan ini merangkumi fasa pembelajaran dan penyesuaian skop tugas di setiap Kementerian, dan sebarang cabaran yang timbul adalah dijangka serta diberi perhatian sewajarnya. Dalam masa yang sama, ia turut memberi peluang kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk menambahbaik dan mempermudah proses-proses yang sedia ada. Integriti proses pengambilan tetap dipelihara melalui pelbagai langkah kawal selia dan pemantauan bagi memastikan setiap urusan dijalankan secara telus, adil dan saksama. SPA juga akan terus mempelopori kaedah dan pendekatan yang sesuai dan inovatif, termasuk potensi teknologi baru dan Kecerdasan Buatan (AI) bagi menyokong Kementerian-Kementerian dalam memperkukuhkan lagi pelaksanaan proses pengambilan untuk merealisasikan hasil yang disasarkan. Justeru itu, keberkesanan penuh proses ini hanya dapat dinilai dengan lebih tepat selepas ia berjalan sepenuhnya dengan sumber yang bersesuaian dan mencukupi, termasuk dari segi kepakaran, fasiliti dan infrastruktur teknologi dalam tempoh masa yang akan datang.

Sekian saja yang dapat Kaola sampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PT083

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan pegawai yang telah mengikuti *Public Service Development Programme* di Singapura, dan apakah sistem penilaian yang digunakan untuk memantau impak program serta perkembangan kerjaya mereka, khususnya inisiatif dalam memperkasakan perkhidmatan awam?

JAWAPAN:**Yang Berhormat Yang Di-Pertua**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- I. Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim** di atas pertanyaan mengenai **Public Service Development Programme di Republik Singapura**.
- II. Program Penempatan Kerja Pegawai Perkhidmatan Awam ke Republik Singapura mula dilaksanakan pada tahun 2023. Setakat ini seramai **13 orang Pegawai Kerajaan telah terpilih** untuk mengikuti Program Penempatan iaitu, seramai lapan (8) orang bagi Kohort Pertama (2023/2024), dan seramai lima (5) orang bagi kohort kedua (2024/2025). Bagi Kohort ketiga (2025/2026) pula pada masa ini sedang dalam proses pemilihan calon berdasarkan senarai pencalonan yang telah diterima daripada Kementerian-Kementerian.
- III. Setakat ini, agensi-agensi penempatan di Republik Singapura yang terlibat adalah:
 - Public Service Division (PSD)
 - Ministry of Social and Family Development (MSF)
 - Singapore Food Agency (SFA) & National Centre for Food Science (NCFS)
 - Housing and Development Board (HDB), Ministry of National Development (MND)
 - Ministry of Health (MOH) & Health Promotion Board (HPB); dan

- National Environment Agency (NEA)
- IV. Sistem penilaian yang digunakan untuk memantau impak program ini adalah melalui **deliverables program yang perlu dilengkapkan dan dilaksanakan** oleh setiap peserta program. Ini merangkumi penyediaan kertas cadangan projek pembaikan yang dibuat berdasarkan pengalaman kerja mereka di Republik Singapura, dan seterusnya pelaksanaan cadangan projek tersebut di kementerian atau jabatan masing-masing sekembali mereka ke Negara Brunei Darussalam. Tajuk projek tersebut telah dinilai dan dipersetujui awal oleh pihak kepimpinan kementerian masing-masing dalam memastikan ia selaras dengan perancangan strategik kementerian dan Wawasan Brunei 2035.
- V. Pelaksanaan dan perkembangan projek masing-masing sepanjang program penempatan tersebut dipantau secara berkala oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk memastikan pelaksanaannya dibuat secara berterusan. Pihak Jabatan/ Kementerian pegawai-pegawai berkenaan turut berperanan dalam memantau pelaksanaan projek-projek mereka selaras dengan objektif dan perancangan Jabatan/ Kementerian masing-masing, setelah selesai program penempatan berkenaan. vi. Secara ringkas, projek-projek peserta program kohort pertama merangkumi pelbagai bidang keutamaan, termasuk pendigitalan perkhidmatan, inovasi dalam sistem kesihatan, pendidikan awal kanak-kanak, pembangunan dasar sosial dan pemulihan, pengukuhan penguatkuasaan pensijilan halal, transformasi perkhidmatan awam berpusatkan rakyat, kelestarian alam sekitar serta kesejahteraan penjawat awam. Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan agensi-agensi kerajaan dalam meningkatkan kecekapan, mengadaptasi amalan terbaik dan memberi manfaat kepada rakyat.
- VI. Dari segi perkembangan kerjaya lepasan program, mereka ini terdiri daripada pegawai-pegawai dalam *Civil Service Leadership Pipeline* (CSLP) yang sememangnya telah dikenal pasti berpotensi untuk menjadi pemimpin dalam Perkhidmatan Awam. Program ini merupakan salah satu inisiatif strategik yang dirangka bagi memperkukuh kompetensi kepimpinan dan memperluas perspektif global pegawai-pegawai dalam CSLP sebagai salah satu usaha pembelajaran dan pembangunan mereka, untuk persediaan mereka ke arah peranan yang lebih tinggi dan berimpak dalam Perkhidmatan Awam.

Sekian saja yang dapat Kaola sampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PT088

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan literasi hak cipta dalam kalangan perniagaan dan penggiat kreatif tempatan melalui pendidikan, pendekatan bersasar atau penglibatan industri demi melindungi hasil kreatif dan aset intelektual dengan lebih berkesan?

JAWAPAN:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- I. Kaola terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee** mengenai langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan literasi hak cipta dalam kalangan perniagaan dan penggiat kreatif tempatan.
- II. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, Hak harta intelek (*Intellectual Property Rights*) ("IPR") ialah hak yang diberikan kepada pencipta, (sama ada seorang individu atau entiti) karya, ciptaan dan idea untuk melindungi ciptaan tersebut daripada digunakan oleh orang dan / atau entiti yang lain tanpa kebenaran. IPR memberi pencipta kawalan ke atas kerja mereka, supaya mereka boleh mendapat manfaat dari segi kewangan daripada kerja mereka dan melindunginya daripada ditiru atau dicuri.
- III. IPR juga boleh menggalakkan pertumbuhan perniagaan, teknologi dan produk baharu dengan menyediakan rangka kerja undang-undang untuk melindungi idea dan ciptaan mereka daripada pertindihan atau penyalahgunaan oleh orang lain. Pihak *World Trade Organization* telah menganggarkan bahawa perlindungan IPR menyokong \$9 trilion dalam perdagangan global tahunan. IPR sering disifatkan sebagai suatu kepentingan awam kerana ia memberi manfaat kepada masyarakat secara amnya tanpa habis nilainya apabila ianya digunakan.
- IV. Brunei Intellectual Property Office (BrulPO), di Pejabat Peguam Negara memainkan peranan yang penting dalam promosi dan perlindungan (*promotion*

and protection) harta intelek di Negara Brunei Darussalam. Selaras dengan mandat ini, BrulPO komited bagi mempertingkatkan pemahaman dan pelaksanaan sistem perlindungan hak harta intelek secara menyeluruh yang merangkumi hak cipta (*copyright*); tanda-tanda perniagaan (*trademarks*), paten (*patent*), dan reka bentuk perindustrian (*industrial design*).

- V. Sehubungan itu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi meningkatkan literasi hak cipta, khususnya dalam kalangan perniagaan tempatan dan penggiat industri kreatif, melalui pendekatan pendidikan, kerjasama dengan pihak industri serta pelaksanaan dasar-dasar yang bersifat inklusif dan progresif.

Pendidikan dan Kesedaran Awam

- VI. BrulPO telah mengadakan dan menyertai pelbagai sesi kesedaran harta intelek sebagai penceramah jemputan bersama agensi kerajaan dan swasta, termasuk kepada syarikat-syarikat pemula (startups), perusahaan micro, medium and small enterprises ('MSMEs'), serta institusi pengajian tinggi.
- VII. Selain itu, BrulPO kini melaksanakan segmen bulanan bersama Radio Televisyen Brunei ('RTB') melalui program Rampai Pagi, yang bertujuan untuk mempertingkat pemahaman kalangan orang ramai mengenai hak cipta, tanda perniagaan, paten, reka bentuk perindustrian dan petunjuk geografi.
- VIII. Sejak tahun 2023, lebih daripada 30 aktiviti kesedaran awam telah dianjurkan atau disertai oleh BrulPO yang melibatkan pelbagai kumpulan sasaran seperti pelajar, penguatkuasa undang-undang, usahawan dan pembuat dasar. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:
- ***Brunei Startup Summit (2024 dan 2025)***: Bengkel dan sesi taklimat harta intelek kepada syarikat-syarikat pemula dan perusahaan MSMEs.
 - ***Women InnovateHer Workshop 2024***: Bengkel dan taklimat dengan kerjasama Darussalam Enterprise ('DARE') yang memberikan tumpuan kepada usahawan-usahawan wanita.
 - ***Bengkel Harta Intelek bersama DST InnoLab (2024 dan 2025)***: Bengkel yang menyasarkan kepada sektor-sektor khusus seperti pemakanan, perniagaan serta teknologi dan kreatif.
 - ***Sesi-sesi perkongsian bersama institusi pengajian tinggi (2023 – 2025)***: Seminar bagi meningkatkan literasi harta intelek di kalangan pensyarah dan pelajar.

- **Segmen RTB Rampai Pagi (2025)** - Sesi bulanan siaran langsung mengenai pelbagai topik harta intelek.
- **Bengkel Promosi Platform ASEAN IP Register (2025):** Bengkel bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pendaftaran IP dan penggunaan ASEAN IP Register sebagai alat pencarian strategik serta sokongan kepada pertumbuhan perniagaan dan inovasi teknologi.

Menjana akses secara inklusif

- IX. Bagi memastikan manfaat harta intelek akan dapat dinikmati oleh masyarakat secara menyeluruh, Pejabat Peguam Negara, melalui BrulPO kini dalam proses melaksanakan inisiatif ke arah penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam Triti Marrakesh ('Marrakesh Treaty to Facilitate Access to Published Works for Persons Who Are Blind, Visually Impaired or Otherwise Print Disabled').
- X. Inisiatif ini bertujuan untuk memberikan akses kepada bahan bacaan dalam format mesra khususnya bagi Orang Kelainan Upaya ('OKU') penglihatan.
- XI. Triti ini akan membolehkan pengeluaran semula dan perkongsian bahan bahan-bacaan dalam pelbagai format seperti braille, cetakan besar dan buku audio yang seterusnya menyokong penyertaan golongan OKU tersebut dalam pendidikan dan peluang kerja. xii. Setakat ini, inisiatif tersebut di peringkat kajian dan penelitian pindaan undang-undang. Creative Industry Database.
- XII. BrulPO sedang membangunkan sebuah Creative Industry Database yang bertujuan untuk mendokumen dan mempromosi bakat tempatan seperti pemuzik, artis, pereka dan pencipta kandungan digital. xiv. Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan keterlihatan ("*visibility*") bakat tempatan dalam pasaran tempatan dan antarabangsa, tetapi juga akan menyokong pihak-pihak berkepentingan dalam mengenal pasti kekuatan sektor dan merangka strategi yang lebih bersasar.

Creative Industry Database

- XIII. BrulPO sedang membangunkan sebuah Creative Industry Database yang bertujuan untuk mendokumen dan mempromosi bakat tempatan seperti pemuzik, artis, pereka dan pencipta kandungan digital.
- XIV. xiv. Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan keterlihatan ("*visibility*") bakat tempatan dalam pasaran tempatan dan antarabangsa, tetapi juga akan

menyokong pihak-pihak berkepentingan dalam mengenal pasti kekuatan sektor dan merangka strategi yang lebih bersasar.

Sokongan kepada Pemuzik Tempatan

- XV. BrulPO dengan kerjasama Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (*'World Intellectual Property Organization – WIPO'*) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kini menjalankan sebuah inisiatif untuk membangunkan dan menubuhkan sebuah rangka kerja *Collective Management Organisation* yang akan membolehkan pengurusan, pelesenan dan penguatkuasaan hak cipta secara berkesan oleh pencipta kandungan, khususnya pemuzik dan penerbit tempatan.

Perancangan Masa Depan

- XVI. Hak cipta pada amnya akan dilindungi secara automatik tanpa memerlukan proses pendaftaran seperti tanda perniagaan, paten dan reka bentuk perindustrian.
- XVII. Walaubagaimanapun, BrulPO mendapati bahawa golongan kreatif seperti pereka, pemuzik dan sebagainya telahpun mengetengahkan cabaran dalam membuktikan pemilikan hasil karya mereka, terutamanya dalam konteks penguatkuasaan hak cipta.
- XVIII. Ke arah ini, BrulPO sedang meneroka inisiatif bagi penubuhan sebuah Voluntary Copyright Recordation System yang akan menyediakan satu mekanisme yang mesra pengguna untuk golongan kreatif merekodkan hasil karya mereka secara sukarela dengan BrulPO.
- XIX. xix. Sistem ini dijangka dapat menyokong usaha penguatkuasaan hak, pelesenan komersial serta penyelesaian pertikaian dan akan memberi manfaat khusus kepada pemuzik, pencipta kandungan digital serta perusahaan MSMEs dalam negara.

Sekian saja yang dapat Kaola sampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PT095

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memperluaskan tempoh penempatan SkiPPA dan i-Ready dari satu tahun kepada kontrak berasaskan projek dua hingga tiga tahun untuk menyokong pemodenan pentadbiran dan membolehkan graduan membina kemahiran mendalam serta impak berkekalan selaras Wawasan Brunei 2035?

JAWAPAN:**Yang Berhormat Yang Di-Pertua**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- i. Kaola merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat **Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin** atas cadangan untuk **memanjangkan tempoh penempatan program SkiPPA dan i-Ready daripada satu tahun kepada kontrak berasaskan projek selama dua hingga tiga tahun** untuk memperkukuh pemodenan pentadbiran dan memperkasa graduan tempatan agar dapat membina kemahiran mendalam serta menghasilkan impak yang berpanjangan, sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.
- ii. Program SkiPPA dan i-Ready diperkenalkan sebagai platform strategik bagi anak-anak tempatan **memperolehi pengalaman kerja yang relevan**, dengan harapan agar pengalaman yang diperolehi akan menjadi asas kukuh dalam membina kerjaya mereka pada masa hadapan.
- iii. Tempoh perantisan sedia ada, iaitu antara 12 bulan hingga 18 bulan, telah ditetapkan dengan mengambil kira beberapa pertimbangan, antaranya:
 - Memberikan galakan kepada organisasi hos untuk menawarkan pekerjaan tetap seawal mungkin, bergantung kepada keperluan dan kekosongan jawatan; dan

- Mengurangkan kebergantungan jangka panjang terhadap pembiayaan kerajaan, bagi memastikan kedayatahan program.
- iv. Organisasi hos yang mempunyai keperluan sebenar terhadap tenaga kerja digalakkan untuk menyerap perantis sebagai kakitangan tetap, berdasarkan prestasi kerja mereka, memandangkan para perantis telah menjalani latihan praktikal yang komprehensif dan memahami budaya kerja organisasi berkenaan. Sehingga 30 Jun 2025, seramai **6,229 perantis i-Ready** telah memperolehi pekerjaan tetap. Manakala sehingga 30 Jun 2025, seramai **38 perantis SkiPPA** telah diserap bekerja secara tetap di sektor swasta dan kerajaan.
- v. Dalam hal ini, kerajaan sentiasa meneliti dan menilai keberkesanan setiap inisiatif yang dilaksanakan. Ini termasuk pertimbangan untuk menyesuaikan tempoh penempatan secara lebih fleksibel, sejajar dengan komitmen berterusan dalam memperkasa modal insan tempatan dan mendukung matlamat strategik Wawasan Brunei 2035.
- vi. Sehubungan itu, maklum balas secara berterusan daripada agensi pelaksana dan peserta program adalah penting bagi memastikan sebarang penambahbaikan yang dilaksanakan benar-benar memberi manfaat kepada pembangunan profesional graduan serta meningkatkan kesiapsiagaan tenaga kerja tempatan dalam menghadapi keperluan dan cabaran ekonomi masa hadapan.

Sekian saja yang dapat Kaola sampaikan. Terima kasih.

No. Soalan: PT061**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan apakah keberkesanan Kursus Latihan Asas Kesihatan Mental untuk pemimpin masyarakat (imam, ustaz, daie) dalam meningkatkan kesedaran serta mengurangkan stigma kesihatan mental dari perspektif Islam? Bagaimana penilaian untuk mengukur keberkesanannya?

JAWAPAN:

Kementerian Hal Ehwal Ugama telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam melaksanakan Kursus Latihan Asas Kesihatan Mental Untuk Pemimpin Masyarakat yang telah melibatkan sebahagian imam, ustaz dan Daie di bawah kawalan Kementerian ini. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai kesihatan mental khususnya dalam kalangan peserta melalui pembelajaran/bimbingan ilmu-ilmu asas berkaitan dengan kesihatan mental dan psikologi daripada perspektif Islam dan juga sains perubatan. Disamping itu, para peserta juga turut diberikan pendedahan mengenai teknik-teknik kaunseling, pendekatan psikologi dan rawatan-rawatan holistik dan bersepadu. Kursus ini merupakan salah satu tindakan dalam Pelan Tindakan Kesihatan Mental Negara Brunei Darussalam 2022-2025.

Hasil daripada maklum balas para peserta yang mengikuti kursus ini, alhamdulillah ia telah memberikan impak positif dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman serta mengurangkan pandangan negatif terhadap kesihatan mental dalam kalangan peserta kursus (Imam, Ustaz dan Daie) khususnya dan masyarakat amnya.

Dalam pada itu, banyak manfaat yang telah diperoleh selaras dengan objektif pelaksanaannya seperti berikut:

I. Meningkatkan Kesedaran

Para peserta dapat menyedari dan memahami isu-isu kesihatan mental daripada perspektif Islam dan sains perubatan, sehingga mereka dapat menjadi agen perubahan dalam masyarakat.

Selain itu, dapat merasakan empati terhadap mereka yang mengidap masalah mental kerana telah dilibatkan secara langsung untuk turun padang melawat

ke Unit Kesihatan Mental, berinteraksi dan berjumpa dengan pesakit serta melihat sendiri kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan.

II. Mengurangkan Pandangan Negatif

Para peserta juga dapat memahami bahawa kesihatan mental adalah sebahagian dari kesejahteraan holistik yang diajarkan dalam Islam. Mereka dapat membantu mengurangkan pandangan negatif berkenaan penyakit mental dan dapat menerapkan ilmu yang diperolehi semasa kursus.

III. Teknik Kaunseling:

Disamping itu, para peserta telah diberikan pendedahan mengenai teknik kaunseling dan pendekatan psikologi Islamik yang secara tidak langsung membolehkan mereka untuk memberikan sokongan yang lebih efektif kepada sesiapa yang memerlukan serta dapat menerapkan ilmu yang diperolehi semasa kursus di dalam pekerjaan mahupun di dalam kehidupan seharian.

No. Soalan: PT066

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan bagaimanakah Kementerian memanfaatkan peranan daie dalam menangani isu sosial seperti LGBT, anak luar nikah dan pengabaian warga emas melalui pendekatan "*Street Dakwah*"? Sejauh mana keberkesanan program Dakwah Academy 5.0 dalam memperkasa daie agar lebih dekat dengan komuniti dan peka terhadap isu semasa?

JAWAPAN:

Alhamdulillah, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Da'wah Islamiah tidak bersendirian dalam menangani isu-isu sosial ini iaitu dengan membuat kerjasama dengan pihak lain seperti Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jabatan Penjara, Biro Kawalan Narkotik, Persatuan Pemeduliaan Sokongan Selepas Penjagaan (Aftercare Support System - AFSA), Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA)

Pelaksanaan Program secara berkolaborasi melalui Pusat Da'wah Islamiah bersama pihak-pihak atau agensi-agensi yang berkepentingan adalah mendokong inisiatif Kerajaan melalui pendekatan senegara (Whole of Nation Approach) bagi memastikan isu-isu sosial pada masa ini turut ditangani melalui pendekatan kerohanian yang bersesuaian yang menyasarkan kepada golongan dewasa, remaja dan kanak-kanak melalui program-program yang berstruktur dan terancang seperti: Program Makarimul Insan, Program Usrah, Tazkirah, ceramah, Program Qalbun Salim, Program GINIS (Generasi, Insan, Nasionalisme, Intelektual dan Stabil), Program SINAR (Stabiliti, Integriti, Nasionalisme, Akauntabiliti dan Rohani) dan lain-lain lagi.

Disamping itu, pengawalan dan pemantauan juga dilaksanakan melalui bahabahan bercetak dalam memastikan kandungan bahan tersebut adalah menepati dengan hukum syara' dan bersesuaian dengan pendekatan amalan-amalan beragama dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Mengenai Program Akademi Da'wah 5.0, ia merupakan salah satu program di bawah Program Keugamaan Belia, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Belia Daie. Ia merupakan salah satu inisiatif Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam meraikan keinginan para belia yang bersemangat untuk mendalami ilmu-ilmu ugama dan

sama-sama berperanan dalam menyebarkan dakwah Islam dalam kalangan masyarakat melalui aktiviti-aktiviti bersesuaian dengan diberikan bimbingan-bimbingan tertentu.

Melalui Akademi Da'wah ini, para peserta diberikan pendedahan kepada siri pengajian, bimbingan dan latihan intensif yang memperkukuh ilmu keugamaan, membentuk keimanan, memperhalusi akhlak dan memantapkan kemahiran dakwah yang sesuai dengan keperluan masakini. Dalam pada itu, para peserta juga telah diberikan bimbingan melalui modul program yang berstruktur meliputi enam (06) standard utama iaitu: Kefahaman dan hafalan Surah Pilihan, Kefahaman dan hafalan Hadith Arbain (40), Tarbiyah Da'ie Harian, Latihan Pengucapan Umum, Kepimpinan dan kerjasama berkumpulan dan Projek Khidmat Masyarakat.

Alhamdulillah setakat ini, program Akademi Da'wah ini telah berjaya mencapai objektifnya dalam melahirkan pendakwah muda yang dapat meneruskan kegiatan dakwah selaras dengan fahaman dan amalan beragama yang diajarkan di sekolah-sekolah ugama serta institusi pengajian Islam seterusnya diamalkan dalam kehidupan seharian, keluarga, masyarakat dan negara. Disamping itu, dengan kepelbagaian latar belakang peserta yang antaranya mengikuti pengajian tinggi di bidang umum telah memberikan nilai tambah kepada usaha-usaha dakwah dalam mengembangkan lagi kefahaman berkaitan ugama Islam dan secara langsung menyuburkan penghayatan hidup beragama melalui amalan-amalan beragama yang telah menjadi dasar dan panduan dalam kalangan masyarakat Brunei.

No. Soalan: PT078

PERTANYAAN : BERTULIS**DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan sejauh manakah Jabatan Urusan Zakat, Waqaf & Baitulmal (JUZWAB) diperkasa untuk mengembangkan zakat, waqaf dan baitulmal secara strategik dan berimpak tinggi? Apakah langkah diambil untuk mengadaptasi amalan terbaik dari Malaysia dan Singapura dalam menjana pendapatan waqaf dan memperkasakan sosioekonomi umat Islam, selaras dengan Maqasid Syariah?

JAWAPAN:

Bagi mengadaptasi amalan-amalan terbaik daripada Malaysia dan Singapura dalam hal ehwal zakat, waqaf dan baitulmal, JUZWAB sejak penubuhannya telah terlebih dahulu meningkatkan kompetensi kemahiran sumber tenaga manusia agar relevan dengan teknologi terkini dan keperluan semasa. Beberapa kerjasama latihan dan bengkel pembangunan modal insan bersama telah dilaksanakan bersama dengan rakan strategik dari dalam dan luar negara antaranya dengan Fakulti Syariah Dan Undang-Undang dengan kerjasama Pusat Kepimpinan Dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Jabatan Mufti Kerajaan, Brunei, Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan Pusat Kutipan Zakat (PKZ) Pahang.

Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal mensasarkan 11 hala tuju utama dalam memperkasa untuk mengembangkan lagi pengurusan zakat, waqaf dan baitulmal secara strategik seperti berikut:

PENGURUSAN ZAKAT

- I. Memperkemarkan dan memantapkan tadbir urus pengurusan zakat.
- II. Menyediakan perancangan dan strategi transformasi digital pengurusan zakat.
- III. Mengukuhkan kolaborasi dalam pemeraksanaan zakat di peringkat kebangsaan.
- IV. Meningkatkan pemberigaaan dengan mengadakan promosi dan tarbiyyah zakat ke pelbagai pihak.

PENGURUSAN WAQAF

- I. Mengubah pengurusan waqaf menjadi lebih sistematik, profesional, dan berorientasikan pembangunan.
- II. Merancang dan melaksanakan projek pembangunan seperti perumahan, pusat komersial, atau institusi pendidikan pada tanah wakaf yang masih belum dimanfaatkan.
- III. Mempelbagaikan model wakaf seperti waqaf tunai, waqaf sementara, atau wakaf korporat.
- IV. Meningkatkan lagi kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, swasta, dan badan kewangan untuk melaksanakan projek pembangunan aset wakaf dan memperluas rangkaian wakaf di Brunei.

PENGURUSAN PENGUPAYAAN ASNAF:

- I. Meneroka potensi kemahiran pelbagai industri seperti industri kreatif, hiliran minyak dan gas, logistik dan pengangkutan dan sebagainya
- II. Membangunkan pusat-pusat kemahiran khusus secara model hybrid iaitu waqaf dan zakat.
- III. Meningkatkan kerjasama dan penglibatan NGO dan komuniti dalam menjayakan pembangunan pusat kemahiran asnaf

Sebagai usaha dalam mengadaptasi amalan terbaik dari Malaysia dan Singapura dalam menjana memperkasakan sosioekonomi umat Islam khasnya dikalangan asnaf fakir miskin, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, buat pertama kalinya sebuah Pusat Kemahiran Asnaf ditubuhkan yang akan menjadi pangkalan untuk asnaf zakat menjalani latihan kemahiran dalam bidang keusahawanan dan bimbingan perniagaan kulinari dan konfeksionari, sekaligus menyediakan ruang untuk para peserta program serta asnaf fakir miskin memasarkan hasil produk mereka melalui Kafe Pengupayaan Asnaf dan Kedai Kiub Pengupayaan Asnaf.

Selari dengan penubuhan Pusat Kemahiran itu, satu program khas yang dinamakan Program Kemahiran Keusahawanan Asnaf telah diperkenalkan yang telah disusun dengan format yang lebih komprehensif. Program ini terlaksana dengan bimbingan nasihat, sokongan dan kolaborasi Bank Islam Brunei Darussalam [BIBD] selaku ejen yang mempunyai kepakaran dalam bidang perniagaan, lebih-lebih lagi mempunyai pengalaman jaringan kerjasama yang kukuh dengan beberapa agensi Kerajaan. Program ini dihasratkan akan menjadi titik awal dan platform dalam melahirkan lebih ramai usahawan asnaf yang terlatih dan mahir berniaga. Inisiatif ini bukan setakat mensasarkan program ke arah kestabilan perekonomian peserta bahkan sebagai jaringan ke arah menjamin keselamatan sosial sekaligus mendokong Matlamat Kedua Wawasan Negara 2035, iaitu Kualiti Kehidupan Yang Tinggi.

Secara ringkasnya, Modul latihan Program Kemahiran Asnaf ini dilaksanakan menerusi tiga (3) fasa latihan dan pembelajaran, iaitu Fasa Latihan Teori dan Praktikal [Work-Based Training]; Fasa Praktikal dan Mentorship pemasaran dan urusaniaga di Pusat Kemahiran Asnaf sebagai marketplace dan Fasa Terakhir: Evaluasi dan Pemantauan. Di akhir program ini, pelatih-pelatih yang dinilai berkeelayakan dan berpotensi menjadi usahawan syarat, akan berpeluang untuk memohon dan dipertimbangkan Skim Agihan Bantuan Modul Berusaha menggunakan peruntukan wang zakat, tertakluk kepada terma serta kelulusan Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat.

Dengan adanya Pusat Kemahiran Asnaf ini setentunya akan lebih meluaskan lagi kebolehpasaran asnaf fakir miskin yang akan dibentuk dengan ilmu dan latihan kemahiran mereka.

No. Soalan: PT092

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menggabungkan kurikulum tradisional dengan kemahiran profesional berteraskan Syariah bagi memastikan graduan UNISSA dan KUPUSB berdaya saing dalam ekonomi halal, kewangan islam dan tadbir urus digital selaras dengan Wawasan 2035?

JAWAPAN:

KUPU SB sedang giat melaksanakan beberapa inisiatif untuk mencapai matlamat ini:

1. Semakan berterusan dan pembangunan kurikulum bersepadu:
 - a) KUPU SB pada masa ini sudah pun mula membangunkan kurikulum bersepadu bagi memastikan integrasi yang kukuh antara ilmu-ilmu Islam tradisional dengan kemahiran profesional yang relevan dengan keperluan pasaran semasa yang berteraskan Syariah. Sungguhpun bidang perguruan merupakan bidang teras atau niche KUPU SB, pelajar2 juga turut dibekalkan dgn ilmu² yang memfokuskan kepada prinsip dan aplikasi ekonomi halal, aplikasi sistem kewangan Islam menerusi kursus Fiqh Muamalat.
 - b) KUPU SB juga telah menawarkan program-program dwi disiplin atau pengkhususan minor iaitu Kewangan Islam Kontemporari yang menggabungkan bidang agama dengan bidang profesional, seperti Pasaran Modal Islam dan Sukuk, Takaful, Isu Zakat Kontemporari, Waqaf dan Kewangan Islam Digital. Juga pengkhususan minor Inovasi dan Teknologi Pendidikan Islam yang menggabungkan kursus Teknologi dalam Pendidikan Islam, Aplikasi Perisian, Multimedia Kreatif dan sebagainya.
 - c) kursus-kursus yang ditawarkan akan diulang semak 5 tahun sekali sebagaimana praktik yang diamalkan oleh institusi pengajian tinggi bagi memastikan kurikulum yang diajarkan adalah terus relevan selaras dengan Wawasan 2035.

2. Peningkatan kompetensi tenaga akademik:

Untuk memastikan kurikulum baharu dapat disampaikan dengan berkesan, KUPU SB akan berusaha mendapatkan pensyarah yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam kedua-dua bidang ilmu Islam dan profesional, khususnya dalam segmen ekonomi halal, kewangan Islam, dan teknologi digital.

3. Kerjasama strategik dengan industri dan agensi berkepentingan:

- a) KUPU SB akan terus memperkukuhkan jalinan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan utama seperti Institusi Kewangan Islam tempatan untuk program latihan industri, peluang penempatan kerja, dan projek penyelidikan bersama.
- b) Berkolaborasi dengan agensi kerajaan atau swasta yang terlibat dalam tadbir urus digital untuk mendapatkan pendedahan dan pengalaman praktikal dalam aplikasi teknologi selaras dengan prinsip Syariah.
- c) Membangun Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) berorientasikan industri seperti penawaran program jangka masa pendek yang diiktiraf oleh industri yang dapat memberikan nilai tambah kepada sijil atau ijazah graduan. Antara program (PSH) yang telah ditawarkan oleh KUPU SB ialah Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah (SP-PHU)

4. Penekanan kemahiran insaniah (soft skills) yang penting untuk kebolehpasaran graduan:

- a) Beralih ke kaedah pengajaran dan pembelajaran yang memfokuskan kepada pemikiran kritis dan penyelesaian masalah. Di mana pada masa ini KUPU SB telah pun mula beralih dari kaedah Teacher Oriented System kepada kaedah Outcome Based Education (OBE) selari dengan kaedah pengajaran abad ke-21 yang menggalakkan pelajar untuk menganalisis isu-isu kompleks dalam konteks kontemporari dan Syariah, selain melatih mereka untuk menyampaikan idea-idea Islam dan profesional dengan jelas dan meyakinkan.
- b) Memastikan graduan mahir menggunakan teknologi digital untuk penyelidikan, analisis, dan inovasi selaras dengan etika Islam menerusi penawaran kursus Multimedia Pendidikan Islam dan kursus Literasi Digital dalam Pendidikan Islam.
- c) Menerapkan semangat keusahawanan dalam konteks Islam yang mendorong graduan untuk mencipta peluang dalam ekonomi halal menerusi penawaran kursus Keusahawan Islam di samping kursus kokurikulum keusahawanan.

Melalui pendekatan bersepadu ini, KUPU SB berhasrat dapat melahirkan graduan yang bukan sahaja teguh dalam ilmu ugama, tetapi juga mempunyai

kemahiran profesional yang relevan dan berdaya saing tinggi, seterusnya menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi yang lestari dan berpandukan nilai-nilai Islam selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

No. Soalan: PT043

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perbezaan kadar capaian perkhidmatan kesihatan asas seperti pemeriksaan NCD, rawatan susulan, dan kesihatan mental antara kawasan bandar dan luar bandar dalam tempoh lima tahun kebelakangan, dan apakah intervensi khusus yang sedang dirancang untuk merapatkan jurang perkhidmatan ini?

JAWAPAN:

Kementerian Kesihatan mengambil pendekatan menyeluruh bagi memastikan bahawa semua penduduk, tanpa mengira lokasi geografi, mendapat akses yang saksama kepada perkhidmatan kesihatan asas. Penambahbaikan infrastruktur jalan menjadikan perjalanan ke fasiliti kerajaan lebih mudah sekarang dari dulu. Secara dasarnya, tiada perbezaan ketara dari segi kadar capaian perkhidmatan kesihatan asas, termasuk pemeriksaan penyakit tidak berjangkit (NCD), rawatan susulan, dan perkhidmatan kesihatan mental, antara kawasan bandar dan luar bandar.

Beberapa inisiatif telah dan sedang dilaksanakan untuk menjamin capaian yang menyeluruh, antaranya:

- **Pertama: *Flying Medical Services***

Kementerian telah lama menggunakan pendekatan perkhidmatan perubatan melalui udara, khususnya bagi kawasan pedalaman yang sukar diakses. Pasukan kesihatan akan dihantar ke kawasan seperti Kampung Sukang, dan kawasan terpencil lain secara berkala untuk menyediakan perkhidmatan rawatan asas, saringan kesihatan, vaksinasi, dan rujukan ke hospital jika perlu.

- **Kedua: Program Saringan dan Intervensi Komuniti**

Program saringan penyakit tidak berjangkit seperti tekanan darah tinggi, diabetes, dan kolesterol dijalankan secara berkala di seluruh negara termasuk di mukim luar bandar.

- **Ketiga: Digitalisasi dan pengembangan aplikasi BruHealth**

Penggunaan aplikasi BruHealth telah membuka lebih banyak akses kepada maklumat kesihatan, temu janji perubatan, dan konsultasi maya. Pendekatan ini membantu menjangkau masyarakat luar bandar yang mungkin menghadapi kesukaran dari segi logistik untuk berjumpa doktor secara fizikal.

- **Keempat: Inisiatif *Outreach* dan Kerjasama Komuniti**

Kementerian turut melaksanakan program outreach dan pendidikan kesihatan secara langsung ke sekolah-sekolah, balai raya, dan pusat komuniti luar bandar bagi meningkatkan kesedaran dan literasi kesihatan.

- **Kelima: Pemerkasaan Perkhidmatan Kesihatan Mental**

Perkhidmatan kesihatan mental turut diperluaskan melalui inisiatif seperti Talian Harapan 145 serta pelaksanaan aktiviti seperti kesedaran kesihatan mental di sekolah-sekolah, yang bertujuan untuk mengurangkan stigma dan menggalakkan masyarakat mendapatkan sokongan psikososial pada peringkat awal.

Kementerian akan terus menilai dan memperbaiki strategi penyampaian perkhidmatan kesihatan agar jurang kesihatan antara bandar dan luar bandar dapat dikurangkan dengan berkesan, selaras dengan prinsip kesaksamaan dalam penjagaan kesihatan.

No. Soalan: PT064

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH
BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM**SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memandangkan keperluan mendesak jururawat dan risiko kehilangan bakat tempatan tanpa strategi retensi yang berkesan, apakah inisiatif Kementerian Kesihatan untuk menarik serta mengekalkan penyertaan belia tempatan dalam bidang kejururawatan? Adakah kementerian akan mempertimbangkan pendekatan inovatif seperti penempatan kerja sambil belajar di luar negara sebagai strategi memperkukuh kemahiran, meningkatkan tarikan kerjaya, dan membina jaringan profesional yang mampan?

JAWAPAN:

Bagi menangani isu kekurangan tenaga kejururawatan serta meningkatkan daya tarikan profesion ini kepada belia tempatan, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan pelbagai usaha strategik ke arah pengambilan dan retensi jururawat. Antara inisiatif yang sedang dan telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

a. Program Promosi Kerjaya (*Career Talk*)

Kementerian secara aktif menjalankan sesi penerangan / taklimat kerjaya kejururawatan di sekolah-sekolah menengah seluruh negara sebagai langkah awal memperkenalkan prospek kerjaya dalam sektor kesihatan, seterusnya meningkatkan minat pelajar tempatan terhadap profesion kejururawatan.

b. Kolaborasi dengan Institusi-institusi Pendidikan Kejururawatan

Kementerian bekerjasama rapat dengan institusi akademik tempatan untuk mempercepatkan pengeluaran graduan kejururawatan melalui penyusunan semula program latihan dan peluasan kapasiti pengambilan pelajar, bagi menampung permintaan tenaga kerja kejururawatan yang kian meningkat.

c. Pelaksanaan Latihan Pemantapan Kemahiran (*Upskilling*)

Kementerian menyediakan pelbagai platform latihan dan kursus peningkatan kemahiran yang berfokus kepada kompetensi klinikal, kepakaran khusus serta perkembangan sistem kesihatan, bagi memastikan jururawat sentiasa bersedia menghadapi cabaran semasa dan akan datang.

d. Kajian dan Pengemaskinian Skim Perkhidmatan Kejururawatan serta Elaun Khas Kejururawatan

Kementerian sedang dalam proses menyemak semula Skim Perkhidmatan Kejururawatan dan Elaun Khas Kejururawatan bagi memastikan struktur gaji dan laluan kerjaya yang lebih menarik dan kompetitif, khususnya kepada pemegang Ijazah Sarjana Muda, dalam usaha menarik lebih ramai graduan menyertai perkhidmatan awam kesihatan.

e. Keutamaan Kepada Graduan Tempatan

Pengisian jawatan Jururawat di fasiliti kesihatan kerajaan diberikan keutamaan kepada graduan kejururawatan tempatan sebagai langkah strategik dalam memastikan kadar retensi yang lebih tinggi serta sokongan terhadap agenda pembangunan kapasiti sumber manusia dalam negara.

f. Permohonan Penambahan Jawatan Jururawat

Melalui kerjasama erat dengan Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan (JTG) serta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kementerian secara berterusan memohon penambahan jawatan Jururawat bagi menampung kekurangan serta memperkukuhkan sistem perkhidmatan kesihatan yang sedia ada. Alhamdulillah, usaha dalam memohon bagi penambahan jawatan Jururawat telahpun diberi peruntukkan bagi tempoh lima tahun (2023-2027) iaitu 761 jawatan keseluruhan kejururawatan.

g. Kajian semula terma ikatan (bond) sebagai langkah retensi

Kementerian ini dengan Kerjasama Kementerian Pendidikan juga telah mengkaji semula dan melaksanakan pemanjangan tempoh ikatan (bond duration) bagi graduan doktor dan jururawat tempatan. Langkah ini bertujuan memastikan pulangan pelaburan dalam pembangunan sumber manusia serta mengurangkan kadar kehilangan bakat tempatan melalui strategi retensi jangka panjang. Ini memerlukan kerjasama daripada pihak-pihak yang berkepentingan untuk pelaksanaan yang berkesan.

Kementerian Kesihatan sentiasa komited dalam memastikan jururawat kekal kompeten, relevan dan bersedia menghadapi perubahan dinamik dalam sistem penjagaan kesihatan. Sebagai salah satu pendekatan inovatif, Kementerian telah dan terus menghantar kakitangan kejururawatan mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) sama ada di dalam atau di luar negara, termasuk latihan jangka pendek dan jangka panjang.

Bagi makluman, statistik penyertaan jururawat dalam LDP luar negara adalah seperti berikut:

- Latihan Jangka Pendek (Short-term Training) di Luar Negara:
 - Tahun 2023: 4 orang

- Tahun 2024: 11 orang
- Tahun 2025: 27 orang
- Latihan Jangka Panjang (Long-term Training) di Luar Negara:
 - Tahun 2023: 2 orang
 - Tahun 2026: 4 orang

Sementara itu, latihan jangka panjang di dalam negara pula menunjukkan peningkatan berikut:

- Tahun 2023: 3 orang
- Tahun 2024: 9 orang
- Tahun 2025: 19 orang

Selain daripada latihan formal di luar negara, Kementerian juga menyediakan pelbagai latihan peningkatan kemahiran secara berterusan seperti:

- *In-house training*
- Latihan pengkhususan dalam bidang kritikal (contohnya Diabetic Nurse Educator, Dialisis dan sebagainya)
- Program Pembangunan Profesional Berterusan (*Continuous Professional Development*)

Langkah-langkah ini bukan sahaja bertujuan memperkukuhkan kemahiran teknikal dan klinikal jururawat, malah menjadi strategi retensi berkesan melalui pemberdayaan kerjaya dan pembangunan laluan profesional yang lebih menarik.

Kementerian juga menilai dan mengenal pasti peluang-peluang dalam bentuk Memorandum Persefahaman (MOU) yang dapat menyediakan pengalaman *Clinical Attachment* bagi jururawat sebagai sebahagian daripada strategi jangka panjang untuk memperkukuh rangkaian profesional serta meningkatkan daya saing dan motivasi jururawat tempatan.

Kementerian kekal komited dalam membangunkan modal insan kejururawatan yang berdaya tahan, cekap dan berkualiti tinggi demi kelangsungan sistem penjagaan kesihatan negara.

No. Soalan: PT068

PERTANYAAN : BERTULIS**DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian Kesihatan mempunyai data jumlah pembayaran rawatan luar negara setahun dan apakah polisi penghantaran pesakit ke luar negara? Adakah Kementerian akan memulakan pelan rawatan kritikal dalam negara untuk mengurangkan kos dalam jangka panjang?

JAWAPAN:

Kementerian Kesihatan menyediakan perkhidmatan penghantaran pesakit ke luar negara bagi kes-kes yang memerlukan rawatan pakar yang belum tersedia di dalam negara. Ini dikendalikan oleh Unit Pengurusan Pesakit, Jabatan Perkhidmatan Perubatan. Setiap tahun, sejumlah pesakit dirujuk ke institusi kesihatan di luar negara, termasuk di Singapura, Malaysia, dan Thailand, bagi rawatan dalam bidang seperti jantung, kanser, ortopedik, oftalmologi, neurologi, urologi, pediatrik dan lain-lain.

Jumlah Perbelanjaan Rawatan Luar Negara:

Dari segi data perbelanjaan, Kementerian telah merekodkan bahawa kos rawatan luar negara dalam dekad yang lalu (April 2018 - Mac 2019) menunjukkan perbelanjaan yang lebih tinggi (*BND 21 Juta) berbanding anggaran perbelanjaan keseluruhan (**BND 7 Juta) setahun kebelakangan (April 2024 - Mac 2025), yang menunjukkan penurunan perbelanjaan yang substantif.

*BND21,315,666.68

**BND7,280,612.22

Dasar Penghantaran Pesakit ke Luar Negara:

Dasar penghantaran pesakit ke luar negara adalah bersifat selektif dan berasaskan kepada keperluan klinikal. Setiap rujukan adalah melalui panel klinikal yang akan menilai keperluan rawatan serta ketiadaan alternatif yang sesuai di dalam negara. Keputusan ini juga melibatkan perbincangan terus antara pakar tempatan dan pakar luar negara bagi memastikan keberkesanan rawatan.

Unit Pengurusan Pesakit bertanggungjawab untuk:

- Menyediakan tiket penerbangan, penginapan, elaun sara hidup dan pengangkutan bagi pesakit dan peneman;

- Memberikan taklimat dan maklumat lengkap kepada pesakit dan peneman sebelum berangkat;
- Menjalankan pemantauan ke atas kos dan pelaksanaan rawatan;
- Menguruskan repatriasi pesakit yang jatuh sakit semasa berada di luar negara; dan
- Berhubung rapat dengan Kedutaan/Konsulat Negara Brunei Darussalam serta syarikat penerbangan untuk kelancaran proses.

Pelan Jangka Panjang ke Arah Rawatan Kritikal Dalam Negara:

Kementerian sedang giat merangka dan melaksanakan pelan jangka panjang bagi mengurangkan kebergantungan kepada rawatan luar negara. Antaranya:

- Pembangunan sumber tenaga manusia tempatan dalam bidang kepakaran seperti pembedahan hepatobilier, pemindahan organ, perubatan nuklear dan penjagaan paliatif.
- Pemindahan teknologi dan kepakaran melalui kolaborasi bersama pusat perubatan luar negara.
- Latihan pemindahan buah pinggang secara berfasa di Hospital RIPAS dengan kerjasama pakar luar negara telah dijalankan dan dilakukan oleh pakar bedah tempatan.
- Pemindahan hati (liver transplant) masa ini dilakukan oleh *visiting surgeon* dan seterusnya pada masa yang sama melatih professional tempatan.
- Pemantapan perkhidmatan kardiologi, yang mana kebanyakan kes kini boleh dikendalikan sepenuhnya di negara ini kecuali *complex congenital heart disease*.

Secara keseluruhan, pendekatan ini merupakan langkah strategik Kementerian untuk memastikan keberkesanan penggunaan sumber negara, meningkatkan keupayaan sistem kesihatan dalam negara dan pada masa yang sama memberikan rawatan terbaik kepada pesakit.

No. Soalan: PT085**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah statistik warga penduduk tetap kad warna ungu yang mengambil kesempatan atas perkhidmatan perubatan percuma sebelum ini? Mengapakah caj perkhidmatan dikenakan juga kepada yang sudah lama berkahwin dan menyumbang kepada ekonomi negara, bukannya hanya kepada mereka yang memanipulasi sistem?

JAWAPAN:

Kementerian Kesihatan mengambil maklum akan pertanyaan Yang Berhormat mengenai statistik warga penduduk tetap yang memegang Kad Pengenalan Warna Ungu (Kad Ungu) berkaitan dengan penggunaan perkhidmatan perubatan percuma sebelum ini, serta rasional di sebalik pengenaan caj perkhidmatan kepada semua kategori pemegang Kad Ungu, termasuk mereka yang telah lama menetap dan berkahwin dengan warganegara Brunei.

Untuk makluman, statistik terperinci yang membezakan antara pemegang Kad Ungu yang berkahwin dengan warganegara dan yang tidak berkahwin tidak direkodkan secara spesifik dalam sistem maklumat pesakit. Oleh itu, jumlah keseluruhan yang menggunakan perkhidmatan kesihatan awam sebelum penguatkuasaan dasar terkini tidak dapat dipecahkan berdasarkan status perkahwinan atau tempoh menetap.

Pada tahun ini sahaja, anggaran lebih dari tiga belas ribu (13,000) pemegang kad pengenalan ungu dan lebih daripada empat ribu (4,000) kad pengenalan hijau menikmati perubatan percuma di negara ini.

Namun demikian, pendekatan pengenaan caj perkhidmatan kesihatan kepada semua pemegang Kad Ungu adalah berdasarkan kepada status kerakyatan, bukan status perkahwinan atau tempoh tinggal di negara ini. Ini sejajar dengan prinsip keadilan fiskal dan keperluan untuk memastikan pengurusan perbelanjaan awam yang berhemah (prudent spending), khususnya dalam peruntukan perkhidmatan kesihatan percuma kepada warganegara Brunei Darussalam.

Pihak Kementerian turut mengambil pendekatan ini sebagai salah satu langkah untuk memastikan kelestarian sistem kesihatan negara, terutamanya dengan mengambil kira peningkatan kos rawatan dan permintaan perkhidmatan kesihatan dari tahun ke tahun.

Untuk makluman juga, dasar pengenaan caj ini telah dilaksanakan secara konsisten kepada semua pemegang Kad Ungu sepanjang tahun ini, tanpa diskriminasi, selaras dengan objektif untuk mengurangkan risiko penyalahgunaan sistem dan memastikan sumbangan yang adil daripada semua yang bukan warganegara, termasuk pemastautin tetap.

Kementerian tetap mengiktiraf sumbangan mereka yang telah lama menetap dan menyumbang kepada ekonomi negara, namun dalam konteks kesihatan awam dan penyediaan perkhidmatan secara adil, keutamaan tetap diberikan kepada rakyat warganegara Brunei Darussalam, selaras dengan dasar negara yang sedang berjalan.

No. Soalan: PT065

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan bagaimanakah DARE dapat menilai impak sebenar inisiatif *Bruneian Made Shelf* terhadap pertumbuhan dan kelestarian *Micro, Small, and Medium Enterprises* (MSMEs)? Ini memandangkan tiada sistem pemantauan yang jelas. Adakah DARE bercadang mewajibkan penyertaan semua pasar raya dan melaksanakan mekanisme penilaian impak secara menyeluruh?

JAWAPAN:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) telah melaksanakan sistem pemantauan berstruktur bagi menilai impak dan prestasi inisiatif Bruneian Made, yang bertujuan menyokong pertumbuhan dan kelestarian perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) tempatan. Pemantauan ini merangkumi aspek jualan secara menyeluruh dan juga keberkesanan penyertaan ekspo.

PEMANTAUAN PRESTASI DI BRUNEIAN MADE HUB

BEDB menilai prestasi jualan di Bruneian Made Hub melalui data yang diperolehi dari sistem Point-of-Sale yang membolehkan pemantauan bulanan terhadap jualan setiap produk, analisis trend, serta pengurusan inventori secara langsung.

Pengurusan operasi harian Bruneian Made Hub dikendalikan oleh pengendali kedai (store operator) yang dilantik, yang turut menjalinkan kerjasama rapat dengan BEDB dalam perkara berikut:

- Menganalisis tingkah laku pengguna dan prestasi produk,
- Mengurus stok dan aktiviti pengisian semula (replenishment),
- Memberi maklum balas pasaran bagi penambahbaikan strategi vendor.

Gabungan fungsi data Point-of-Sale dan maklum balas dari pengendali dapat membantu BEDB melaksanakan pemantauan berasaskan bukti dalam menentukan bentuk sokongan bersesuaian untuk MSME.

PENILAIAN PRESTASI DI BRUNEIAN MADE SHELVES (PASAR RAYA)

Bagi produk yang dijual melalui Bruneian Made Shelves di pasar raya yang mengambil bahagian:

- Laporan jualan bulanan dikemukakan oleh MSME kepada BEDB,
- Pasar raya turut memberikan maklum balas berkaitan aktiviti pengisian semula (replenishment) produk, yang menjadi petunjuk penting terhadap permintaan pasaran (market demand).

Maklumat ini digunakan untuk mengenal pasti produk berpotensi tinggi, serta menentukan strategi promosi dan pengedaran yang lebih bersasar.

PENILAIAN KEBERKESANAN PENYERTAAN EKSPLO

MSME yang mengambil bahagian dalam eksplo, sama ada di dalam mahupun di luar negara, dimestikan untuk mengemukakan laporan jualan pasca-ekspo. Ini membolehkan BEDB:

- Menilai tahap sambutan terhadap produk tempatan di pelbagai pasaran,
- Menjejaki hasil susulan seperti tempahan, kolaborasi, atau peluang ekspot,
- Memantau pulangan pelaburan dan keberkesanan program penyertaan.

Sebagai sebahagian daripada pemantauan indikator prestasi utama (KPI), BEDB juga mengumpulkan data secara berkala meliputi:

- Bilangan vendor baharu dan vendor aktif di bawah Bruneian Made, Jumlah produk yang tersenarai dan tersedia untuk pasaran,
- Vendor yang menggunakan sistem pembayaran tanpa tunai (cashless), termasuk semasa penyertaan dalam Bruneian
- Made Hub dan eksplo.

Indikator ini digunakan untuk menilai skala pertumbuhan program, serta tahap kesiapan digital MSME dalam menyertai ekosistem peruncitan moden.

Melalui pendekatan pemantauan berasaskan data yang melibatkan pelbagai saluran dan KPI yang jelas, BEDB dapat memastikan inisiatif Bruneian Made terus kekal relevan, responsif terhadap keperluan pasaran, serta berimpak tinggi dalam memacu pertumbuhan produk tempatan dan memperkukuh daya saing MSME.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PT073 & PT082

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI
ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM**

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan adakah DARE mempunyai penanda aras atau KPI bagi menilai keberkesanan program pembangunan perusahaan tempatan dalam menyokong pemelbagaian ekonomi negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan Aspirasi Ketiga *Brunei Economic Blueprint*?

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah terdapat program khusus yang disediakan bagi memperbaiki prestasi dan kemahiran syarikat tempatan agar dapat bersaing dengan syarikat asing, terutamanya dari segi teknologi, pengurusan dan *capacity-building*? Ini memandangkan wujudnya persepsi 'ketidakmampuan' terhadap syarikat tempatan walaupun ada yang berprestasi baik?

JAWAPAN:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

Izinkan Kaola menerangkan jawapan kepada soalan PT073 & PT082 mempunyai kaitan, pada mana Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) memang mempunyai penanda aras atau KPI khusus bagi menilai keberkesanan program-program pembangunan perusahaan tempatan yang boleh diperolehi daripada Laporan Tahunan DARE dalam sesawang BEDB. Penilaian ini merangkumi beberapa aspek penting termasuk peningkatan kapasiti pengusaha, pertumbuhan jualan, penajaan peluang pekerjaan, tahap penyertaan dalam pasaran tempatan dan eksport, serta kejayaan perusahaan kecil dan sederhana (MSME) di pasaran global. BEDB juga menjalankan penilaian berkala bagi memastikan bahawa program-program yang dilaksanakan selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan Aspirasi Ketiga Brunei Economic Blueprint, yang bertujuan untuk memupuk pemelbagaian ekonomi negara yang inklusif dan mampan. Selain itu, penilaian tahunan dan maklum balas daripada MSME juga diambil kira untuk memastikan

keperluan program dan inisiatif yang dijalankan dapat memenuhi kehendak industri dan terus mendokong pembangunan MSME tempatan.

Sejak tahun 2023, BEDB telah memudahcara pengeksportan bagi 22 syarikat tempatan ke pasaran luar negara seperti Singapura, Malaysia, Indonesia, dan Filipina. Walaupun terdapat kemajuan yang positif, kerajaan sedar bahawa masih terdapat ruang untuk meningkatkan keyakinan terhadap keupayaan syarikat tempatan, terutamanya dalam bersaing dengan syarikat asing. Untuk itu, pelbagai inisiatif strategik sedang dilaksanakan bagi memperkasa syarikat-syarikat tempatan agar lebih berdaya saing di peringkat domestik, serantau, dan global.

Antara inisiatif utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui BEDB adalah seperti berikut:

1. **Standard Consultancy Program** – Membantu PMKS yang berpotensi untuk menembusi pasaran eksport, dengan lebih daripada 65 syarikat memperoleh pensijilan antarabangsa setakat Jun 2025.
2. **Accelerate Bootcamp** – Menyokong startup untuk memanfaatkan teknologi, memperkukuh pelaburan, dan merangka model perniagaan inovatif. Setakat ini, 174 syarikat startup baru telah didaftarkan.
3. **Program Elevate** – Memberikan bimbingan strategik dan pembangunan kapasiti kepada syarikat dalam pelbagai sektor. Sebanyak 29 syarikat telah menyertai program ini.
4. **DARE LINKS** – Platform B2B untuk memudahkan penglibatan syarikat tempatan dalam rantai bekalan, dengan 87 peluang perniagaan ditawarkan dalam tempoh setahun (April 2024 – Mac 2025).
5. **Brunei Mentors for Entrepreneurs Network (BMEN)** - Menyediakan bimbingan langsung daripada mentor berpengalaman, dengan lebih daripada 3,000 sesi bimbingan telah dilaksanakan.

Selain itu, **Brunei Innovation Lab** juga menjadi platform untuk kolaborasi antara usahawan dan syarikat, dengan lebih 100 prototaip dihasilkan dan lebih 20 syarikat startup menerima pembiayaan atau geran melalui inisiatif seperti Hackathon dan Innovate Challenge.

Kerajaan turut bekerjasama dengan Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPTMP) serta Manpower Industry Steering Committee (MISC) untuk meningkatkan kemahiran pekerja melalui program seperti **SkillsPlus** dan **Digital Upskilling Training Programme**, yang menyediakan latihan jangka pendek dalam bidang ICT, pengurusan, serta pensijilan profesional untuk memperkukuh keupayaan digital syarikat tempatan.

Dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif yang komprehensif ini, diharapkan syarikat-syarikat tempatan akan terus mengembangkan kapasiti, mempertingkatkan kemahiran teknikal dan pengurusan, serta merangsang budaya inovasi. Ini sekaligus diharapkan akan memperkukuhkan daya saing mereka untuk bersaing dengan syarikat asing dalam sektor yang semakin mencabar dan dinamik.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PT076**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF****SOALAN:**

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah perencanaan strategi dan pelan tindakan dari aspek fiskal dan dasar monetari untuk memperluaskan skop pendapatan negara dalam menangani isu dan cabaran defisit fiskal yang dialami, tanpa membebankan golongan berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan?

JAWAPAN:

Kerajaan Negara Brunei Darussalam terus memberi perhatian tinggi dan mengambil serius isu defisit fiskal yang telah berterusan sehingga kini.

Sepertimana yang pernah kaola kongsikan sebelum ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang giat melaksanakan inisiatif Fiscal Consolidation Programme (FCP) bertujuan untuk menstruktur semula hasil pendapatan dan perbelanjaan negara dalam memastikan perbelanjaan negara akan dapat berada ke tahap yang mampan (sustainable).

Oleh itu, pihak Kerajaan terus berusaha untuk memperluas dan mempelbagaikan sumber hasil negara. Ini termasuk antaranya melalui:

Penilaian semula struktur yuran dan caj perkhidmatan, agar lebih mencerminkan kos sebenar penyampaian perkhidmatan tanpa membebankan golongan-golongan berpendapatan rendah.

Berkenaan ini, pihak Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan telahpun dinasihatkan untuk sentiasa meneliti kadar-kadar perkhidmatan yang dikenakan pada masa ini bagi memastikan samada ianya masih lagi relevan atau perlu dikemaskini, termasuk juga untuk memperkenalkan caj-caj baru yang bersesuaian;

- Permodenan sistem kutipan hasil dan percukaian, termasuk penambahbaikan pematuhan dan pengurangan ketirisan.
Inisiatif bagi mempermodenkan dasar cukai yang sedia ada dengan menambahbaik pentadbiran perundangan cukai serta menyemak semula insentif-insentif percukaian dan kadar-kadar cukai yang sedia ada juga diberi perhatian dan dalam penelitian bagi mengurangkan loopholes yang menjurus kepada pengelakan cukai (tax evasion) dan ketirisan hasil; dan
- Untuk menangani pembayaran tertunggak, kerajaan telah memperkenalkan smart meter untuk elektrik dan air serta mengkaji semula caj-caj perkhidmatan dan subsidi-subsidi Lain yang diberikan.

Namun begitu, sebarang pengemaskinian dasar berkaitan cukai atau caj perkhidmatan, perlulah dilakukan secara berhati-hati dan seimbang dengan tidak membebankan golongan berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan. Kerajaan juga akan meningkatkan usaha bagi memastikan dasar-dasar yang diperkenalkan akan dapat dipertimbangkan untuk perlaksanaan secara berperingkat supaya tidak akan memberi kesan yang negatif kepada kuasa beli rakyat dan tidak meningkatkan kos sara hidup secara mendadak serta tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi domestik.

Dari segi perbelanjaan juga, Kerajaan akan sentiasa komited untuk memastikan perbelanjaan yang dibuat adalah berdasarkan peruntukan yang telah diberikan dan mengikut keperluan. Langkah-langkah lain juga turut diambil, seperti meneroka kaedah pengkorporatan dan Public Private Partnership (PPP) bagi mengurangkan bebanan perbelanjaan kerajaan di samping meningkatkan lagi kecekapan penyampaian perkhidmatan.

Sekian Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PT081**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah program yang telah dan akan dilaksanakan oleh Darussalam Assets bagi meningkatkan penyertaan serta daya saing perniagaan tempatan, termasuk PMKS, kerana terdapat banyak sektor yang dikuasai perniagaan asing seperti runcit dan pembinaan? Adakah perancangan untuk mengurangkan kos serta meningkatkan keupayaan pengurusan dan kemahiran mereka?

JAWAPAN:

Darussalam Assets (DA) dan Kumpulan Syarikat DA sentiasa komited untuk mendokong perkembangan perniagaan tempatan dalam mengukuhkan ekonomi negara, serta memastikan adanya peluang-peluang pekerjaan terutama bagi anak-anak tempatan.

Bagi meningkatkan lagi penyertaan serta menguatkan lagi daya saing perniagaan tempatan, termasuk MSME, untuk menyumbang ke ekonomi negara di pelbagai sektor, terdapat beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government Linked Companies - GLCs), iaitu termasuk jua penglibatan syarikat dalam program-program yang dikendalikan oleh Kerajaan Kebawah Duli dan pihak-pihak yang berkuasa.

Ini antarlainnya merangkumi dan tidak terhad seperti berikut:

- Dalam meningkatkan penglibatan perusahaan tempatan di dalam sektor hartanah, Armada Properties Sdn Bhd (Armada) telahpun membangunkan rangka kerja Local Business Development (LBD) pada tahun 2020 yang berasaskan modal Dasar dan Rangka Kerja LBD (LBD Policy Framework) Negara. Ianya digunakan dalam proses perolehan perkhidmatan syarikat tersebut di mana sasaran pekerjaan tempatan adalah kriteria mandatori bagi semua pembekal yang berminat untuk menyediakan perkhidmatan yang berkaitan kepada Armada. Di samping itu, Armada juga menawarkan insentif kepada pembekal yang memenuhi atau melebihi sasaran pekerjaan tempatan termasuk pembekal yang terlibat secara aktif dalam melatih tenaga kerja

tempatan semasa peringkat penilaian untuk menggalakkan lagi pembangunan kemahiran tenaga kerja tempatan.

Armada juga menawarkan Program Inkubasi LBD (LBD Incubation Programme), yang mana memberikan peluang bagi golongan usahawan tempatan, khususnya MSME, untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka selaras dengan piawaian industri bagi membolehkan mereka untuk menjadi lebih berjaya dalam persekitaran ekonomi yang berdaya saing. Di bawah program ini, Armada menyediakan peluang perniagaan, latihan, sokongan berterusan dan penilaian prestasi kepada usahawan yang ikut serta.

- Dalam mendokong penglibatan MSME dalam industri perkhidmatan makanan di Brunei, PDS Abattoir Sdn Bhd (PDS) terus memainkan peranan penting melalui pengimportan daging beku pada harga yang kompetitif. Ini memberikan manfaat kepada pelbagai restoran, kedai makan dan MSME di seluruh negara. Bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat, Syarikat PDS juga telah memulakan semula pengimportan ayam beku bagi menyokong keperluan premis makanan tempatan. Kawasan penanaman padi seluas 174 hektar di Kandol, yang dipajak daripada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), kini dikendalikan sepenuhnya oleh Syarikat Wasan Milling Company Sdn Bhd (WMC) susulan penggabungan operasi Syarikat PaddyCo Sdn Bhd ke dalam Syarikat WMC yang berkuatkuasa pada akhir bulan Mei 2025. Memandangkan kawasan ladang di Kandol masih dalam fasa awal, Syarikat WMC sedang giat membina kepakaran dalam pengurusan operasi sambil memahami keperluan penanaman dan ekosistem persekitaran. Sebagai sebahagian daripada usaha ini, Syarikat WMC menjalankan penanaman percubaan, dengan kerjasama KSSUP, menggunakan pelbagai jenis baja yang diperoleh atau dihasilkan oleh syarikat/pengusaha tempatan, dalam usaha mengenalpasti input dan kaedah terbaik untuk mencapai produktiviti serta kelestarian jangka panjang. Hasil dan penemuan daripada penanaman percubaan juga dikongsikan bersama oleh KSSUP kepada peladang-peladang tempatan.
- Royal Brunei Catering (RBC) dan Ghanim International Corporation Sdn Bhd (Ghanim) juga telah menyumbang kepada pembangunan MSME melalui penyediaan perkhidmatan sokongan seperti dari segi pembangunan produk, bantuan dokumentasi serta perkongsian pengetahuan industri untuk memastikan piawaian keselamatan dan kualiti makanan dipatuhi. Walaupun kapasiti buat masa ini adalah masih terhad, peluang yang dapat diberikan kepada MSME dihasrat akan dapat berkembang, khususnya apabila kilang di Salambigar dijangka beroperasi semula menjelang akhir tahun 2025.

Kemudahan moden yang disediakan kelak diharap dapat dimanfaatkan oleh MSME bagi tujuan penghasilan dan pengembangan produk mereka.

- Manakala bagi Kumpulan Syarikat DA yang beroperasi dalam sektor logistik, tender yang berkaitan lazimnya akan dibukakan terlebih dahulu kepada syarikat-syarikat tempatan sebelum diiklankan kepada pembekal-pembekal antarabangsa. Pembekal antarabangsa hanya akan dilibatkan jika perkhidmatan kepakaran yang diperlukan tidak boleh diperoleh daripada syarikat tempatan di dalam negara, ataupun disebabkan oleh keperluan penjimatan kos. Ini merupakan antara usaha yang dijalankan bagi memastikan syarikat tempatan diberi keutamaan untuk menyertai tawaran-tawaran tender. Selain itu, kontrak yang diberikan kepada pembekal antarabangsa turut akan dikenakan syarat agar keutamaan diberikan kepada syarikat tempatan untuk melaksanakan mana-mana kerja sub-kontrak yang ditawarkan.
- Dan dalam sektor telekomunikasi pula, Unified National Network (UNN) juga giat memperusahakan inisiatif localization dengan menetapkan syarat minima 50% tenaga kerja tempatan bagi vendor, dan memberikan markah tambahan untuk vendor yang mempunyai 70% tenaga kerja tempatan dalam proses penilaian tender. Pada masa ini, 80% vendor yang dikontrak oleh UNN adalah vendor tempatan; di mana 65% daripada jumlah tenaga kerja vendor keseluruhannya adalah terdiri daripada pekerja tempatan.
- Untuk makluman lanjut jua, selain daripada pembekal IT dan teknologi yang kebanyakannya sudah terdiri daripada pakar-pakar tempatan, ada jua separuh besar sifat kerja para kontraktor UNN melibatkan kerja-kerja seperti rigging dan penggalian bagi penyambungan kabel fiber optik.
- Pihak UNN juga telah menyediakan infrastruktur yang membolehkan ekonomi digital, sekaligus mengurangkan kos menjalankan perniagaan dari aspek utiliti telekomunikasi serta membuka peluang perniagaan dalam sektor digital untuk para MSME:
 1. Kadar penembusan broadband fiber Negara telah meningkat dari 51.15% pada Januari 2020 kepada 114.7% pada Mei 2025 hasil daripada pelaburan UNN terhadap infrastruktur rangkaian Fixed Access bagi perkhidmatan fiber di seluruh negara.
 2. Setakat Mei 2025, sebanyak 6 tapak di Ulu Belait dan 1 tapak di Ulu Tutong telah di lengkapi dengan infrastruktur fiber dan mobile dengan 5 tapak lagi di Ulu Tutong dijangka akan siap dilaksanakan pada hujung tahun kewangan 2025/2026. Sebagai usaha UNN secara inklusif, pihak

UNN juga telah melatih 2 orang dari kampung- kampung di Ulu Belait untuk memberikan perkhidmatan penyelenggaraan kepada base station di kampung masing- masing.

3. Perkhidmatan rangkaian 5G telah dilancarkan pada Julai 2023, dimana pada bulan Julai 2025, Brunei telah mencapai tangga ke sembilan paling tinggi di dunia untuk kelajuan download mobile berdasarkan Indeks Ookla Global Speedtest.
4. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan daya tahan dan kapasiti sambungan antarabangsa Brunei, UNN telah membuat pelaburan ke dalam Asia Link Cable, yang dianggarkan akan siap pada tahun 2026 dan pada bulan Julai 2025 mengumumkan penandatanganan untuk membuat pelaburan dalam sebuah lagi kabel konsortium iaitu Asia United Gateway East.
5. Dengan menyediakan infrastruktur telekomunikasi di beberapa tempat pendalaman serta menyediakan rangkaian yang lebih laju, efisien, stabil dengan harga yang lebih kos efisien (sebagai misalan, berbanding dengan tahun 2020, harga unlimited broadband menurun sebanyak 64% manakala harga mobile secara purata turun sebanyak 43%), UNN juga telah memudahkan lagi inklusiviti dan dapat membuka pasaran baru untuk MSME seperti Internet of Things.
 - Beberapa Kumpulan Syarikat DA juga telah aktif menawarkan program-program latihan dan bengkel kepada perusahaan tempatan di negara ini seperti:
 - Muara Port Company (MPC) ada menyediakan latihan/bengkel mengenai HSE kepada ejen penghantaran dan kontraktor yang bekerja di fasiliti-fasiliti syarikat.
 - Pada tahun 2024, BIACC telah menyediakan program Import/Export Awareness kepada MSME untuk meningkatkan kefahaman terhadap keperluan untuk pengimportan dan pengeksportan barangan, ke arah membantu MSME meningkatkan market accessibility mereka ke pasaran antarabangsa.
 - Dalam pada usaha meningkatkan daya saing dan juga membukakan lagi peluang perniagaan kepada peniaga tempatan, khususnya MSME, DA sedang menerajui pembangunan procure.bn, iaitu sebuah platform digital berpusat (centralised) yang akan menengahkan projek dan iklan perolehan (procurement) DA dan GLCs.

Platform ini dibina dengan tujuan untuk menggalakkan ketelusan proses perolehan, mempertingkatkan kecekapan pemprosesan dan memberi peluang perniagaan yang sama kepada semua syarikat swasta dan para MSME. Procure.bn dihasrat untuk membawa peralihan sistem perolehan ke platform digital, meringkaskan proses dan meluaskan lagi market reach.

- Fungsi utama procure.bn juga termasuk:
 - Memberi akses yang sama kepada kesemua vendor yang berdaftar untuk tawaran (tender) dan juga sebutharga yang diiklankan;
 - Pendaftaran secara percuma kepada peniaga dan MSME, sambil menghapuskan halangan kewangan untuk penyertaan; Pameran barangan dan perkhidmatan pembekal didalam rangka e-dagang bagi pembelian secara terus;
 - Ketersediaan senarai vendor yang berdaftar secara terbuka, meningkatkan visibility dan credibility peniaga merentas kesemua sektor, sekaligus menguatkan pautan business-to-business (B2B) dan business-to-consumer (B2C).
- Dengan meluaskan lagi peluang perolehan kepada vendor berdaftar, procure.bn diharap akan dapat memperkasakan lagi peniaga dan MSME, menggalakkan kepelbagaian produk dan perkhidmatan tempatan, dan memupuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dan telus melalui sistem perolehan yang inklusif.
- Sebagai sebahagian daripada usaha untuk melibatkan lebih ramai penyertaan daripada perusahaan tempatan, pihak DA pada masa ini sedang dalam proses untuk bekerjasama dengan pihak BEDB bagi memberikan sesi taklimat dan latihan kepada MSME. Di samping itu, beberapa sesi latihan juga telah dilaksanakan oleh pihak DA sebelumnya dengan penglibatan lebih daripada 50 vendor tempatan.
- Bagi melancarkan lagi penyelarasan dan mendokong penglibatan perusahaan tempatan, termasuk MSME, dalam aktiviti-aktiviti Kumpulan Syarikat-Syarikat DA, pihak DA juga telah membangunkan sebuah platform perolehan digital, iaitu procure.bn, yang mana antaranya bertujuan bagi meningkatkan proses due diligence, menggalakkan ketelusan,

menyediakan peluang yang sama rata, dan menanamkan persaingan yang sihat.

- Platform digital ini meliputi direktori pembekal yang boleh diakses secara umum dan juga mempamerkan syarikat-syarikat pembekal tempatan untuk mempromosikan perusahaan masing-masing dan bagi mengalakkan peluang perniagaan secara business-to-business (B2B) dan juga business-to-consumer (B2C). Dalam melartakan lagi usaha ini untuk melibatkan lebih ramai penyertaan daripada perusahaan tempatan, pihak DA pada masa ini sedang dalam proses untuk bekerjasama dengan BEDB bagi memberikan sesi taklimat dan latihan kepada MSME tempatan. Di samping itu, beberapa sesi latihan juga telah dilaksanakan oleh pihak DA sebelumnya dengan penglibatan lebih daripada 50 vendor tempatan.
- Pada masa ini, pihak BEDB sedang merintis satu inisiatif baru iaitu Retail Empowerment Programme ("REP") melalui kerjasama dengan pihak swasta bagi membuka peluang perniagaan kedai runcit yang dapat dimiliki dan dijalankan oleh pengusaha tempatan khususnya di kalangan belia. Ianya bertujuan untuk membentuk semula landskap peruncitan yang ada di negara ini dengan memperkasakan penyertaan usahawan tempatan dalam perniagaan runcit melalui peluang keusahawanan yang mampan dan model perniagaan runcit yang mampu milik.
- Melalui Retail Empowerment Programme ini, usahawan belia sama ada yang baharu mahupun yang sedia ada akan turut menerima sokongan pembangunan kapasiti melalui inisiatif-inisiatif yang dikendalikan oleh BEDB seperti Industry Business Academy ("IBA"), serta sokongan kewangan melalui Skim Co-Matching dan Kemudahan Pembiayaan Bank jika diperlukan.
- Pihak BEDB juga membantu dalam mengenal pasti lokasi-lokasi strategik bagi menyokong operasi kedai runcit di bawah inisiatif ini.

Sekian Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

No. Soalan: PT093

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah contoh *success story* PKS Brunei yang telah memanfaatkan perjanjian perdagangan bebas (FTA) untuk akses pasaran lebih luas? Bagaimanakah MOFE merancang mempergiat fasilitasi eksport serta rangkaian dagang antarabangsa bagi memacu pertumbuhan ekonomi selaras Wawasan Brunei 2035?

JAWAPAN:

Secara amnya, penyertaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) telah memainkan peranan penting dalam membuka peluang akses pasaran yang lebih luas kepada pengeksport tempatan. Penyertaan ini bukan sahaja memanfaatkan para pengeksport tempatan dari segi penghapusan atau pengurangan tarif sahaja, tetapi turut menyediakan perlindungan pelaburan, liputan sektor yang meluas serta peluang untuk meningkatkan Pelaburan Langsung Asing (FDI), sekaligus mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif bagi perdagangan dan pelaburan asing.

Pada lazimnya, manfaat-manfaat daripada FTA lebih cenderung dinikmati oleh perusahaan berskala besar, yang mana sudah mempunyai sasaran pasaran dan permintaan tersendiri. Sebagai contohnya, Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd (Granular Urea in Bulk dan Urea in Bulk), HLDS (B) Steel Sdn Bhd (Steel) dan Polygel Organometallic (Brunei) (Titanium Phosphate Complex) telah berjaya mengeksport ke negara-negara Latin Amerika dengan menggunakan Perjanjian Comprehensive and Progressive-Partnership (CPTPP).

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang telah memanfaatkan kemudahan yang terdapat di dalam FTA yang telah ditandatangani bagi tujuan menyertai ekspo-ekspo perdagangan di luar negara, iaitu dengan sokongan dan fasilitasi daripada pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB).

Antara sokongan yang diberikan oleh pihak BEDB termasuklah pemberian khidmat nasihat khusus kepada pengeksport yang ada menyasarkan negara-negara yang terdapat di bawah FTA-FTA yang sudah ditandatangani disamping juga membantu MSME tempatan untuk lebih memahami manfaat-manfaat FTA dan proses eksport di

negara, seperti berkaitan tarif, akses pasaran, permohonan Sijil Asal (Certificate of Origin, COO), dokumentasi FTA, keperluan pematuhan syarat-syarat eksport dan sebagainya, melalui khidmat bimbingan dan latihan.

Antara PKS yang telah memanfaatkan perjanjian FTA untuk mengakses pasaran lebih luas adalah seperti berikut:

Tahun	FTA	Syarikat
2024	ATIGA (Sabah International Expo 2023)	PDS Abattoir Sdn Bhd
		Goh Hok Lee Sdn Bhd
		Riza Fudhlana Farming
		Sabli Food Industries Sdn Bhd
		Sahamada Corporation Sdn Bhd
		Superfish Growers Sdn Bhd
2023	ATIGA (Sabah International Convention Centre)	Asri Services (Eat's Hot)
		Bruhouse Sdn Bhd
2022	AFTA (ASEAN- Korea Centre)	Mori Enterprise
		Sabli Food Industries (B) Sdn Bhd
		Taurean Bakeshop & Cafe
		Volco Venture

Penyertaan ini mencerminkan wujudnya kesedaran awal dalam kalangan SME terhadap potensi serta manfaat FTA. Meskipun usaha ini masih belum dimanfaatkan sepenuhnya sebagai strategi jangka panjang untuk menembusi pasaran antarabangsa, ia merupakan satu langkah awal yang positif ke arah membina keyakinan dan pengalaman dalam perdagangan luar.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga terus komited untuk memperluaskan lagi tahap kesedaran perusahaan tempatan di negara ini mengenai proses penyelarasan eksport (trade facilitation) serta dalam mengembangkan rangkaian dagang antarabangsa. Seajar dengan itu, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Bahagian Perdagangan telahpun melaksanakan pelbagai program pemberigian yang bertujuan untuk memberi kefahaman asas mengenai dengan FTA dan manfaat yang dapat diperolehi, kepada komuniti perniagaan khususnya jua pengusaha-pengusaha tempatan yang berpotensi untuk melibatkan diri dalam aktiviti eksport/import; dewan-dewan perniagaan; serta juga kepada agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang bertanggungjawab di dalam pembangunan perusahaan tempatan.

Bagi tahun 2025, beberapa perancangan program sosialisasi telah dikenalpasti dan dilaksanakan seperti berikut:

BIL	AGENSI/ACARA	TARIKH/SASARAN
1	Brunei MSME Festival 2024	29 Februari – 3 Mac 2024
2	CPTPP Socialisation	24 July 2024
3	Young Entrepreneurs Association Brunei (YEAB)	16 November 2024
4	Brunei Economic Development Board (BEDB)	4 Februari 2025
5	Unit Pembangunan Koperaso, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan	19 Februari 2025
6	Darussalam Assets (DA)	25 Februari 2025
7	BIMP-EAGA Business Council	21 April 2025
8	Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, MPRT	28 Mei 2025
9	Brunei Darussalam Food Authority (BDFA)	*Q3 – Q4 2025
10	Ghanim / Brunei Halal	*Q3 – Q4 2025
11	Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan	*Q3 – Q4 2025
12	LiveWire	*Q3 – Q4 2025
13	Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam	*Q3 – Q4 2025

14	National Chamber of Commerce and Industry	*Q3 – Q4 2025
----	---	---------------

* *Tertakluk kepada perubahan*

Selain itu, Kementerian ini juga aktif meneruskan usaha bagi membantu perusahaan tempatan yang berpotensi untuk menyertai ekspo-ekspo dan pameran-pameran perdagangan di luar negara, termasuk juga dengan bekerjasama bersama agensi-agensi yang berkepentingan bagi menilai dan memperbaiki keberkesanan penyertaan perusahaan tempatan di ekspo dan pameran tersebut.

Bagi tahun 2025 ini, beberapa aktiviti promosi perdagangan telahpun dikenalpasti dan di dalam perancangan bagi penglibatan perusahaan-perusahaan tempatan yang bersesuaian, iaitu seperti berikut:

No	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Status
1	World Expo 2025	13 April 2025 – 13 Oktober 2025	Osaka, Kansai, Jepun	Sedang Berlangsung
2	22nd CAEXPO	17 – 21 September 2025	Nanning, Republik Rakyat China	Tentatif
3	8th China International Import Expo (CIIE)	5-10 November 2025	Shanghai, Republik	Tentatif

Selain daripada itu, sebagai insentif untuk mendokong aktiviti pengeksportan dari negara ini, Kementerian melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja juga melaksanakan inisiatif pemberian pulangan balik cukai (drawback) bagi bahan-bahan mentah yang digunakan dalam pengilangan produk eksais, iaitu sekiranya barangan yang dikilangkan tersebut dieksport ke luar negara.

Secara keseluruhan, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian ini adalah bagi menyokong hasrat untuk menjadikan NBD sebagai sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdayatahan, sepertimana yang di nyatakan di dalam Wawasan Brunei 2035.

No. Soalan: PT044

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah migrasi keluar dan masuk Negara Brunei Darussalam dan tahun 2021 hingga 2024 yang dikategorikan mengikut sebab seperti pekerjaan, pendidikan dan kesihatan? Apakah corak utama yang dikenal pasti yang boleh memberi implikasi terhadap perancangan dasar negara?

JAWAPAN:

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan menggunakan Border Management System (BMS) untuk merekodkan data keluar masuk melalui Pos-Pos Kawalan Imigresen Negara Brunei Darussalam. Perangkaan warganegara Brunei Darussalam dan warga asing yang keluar dan masuk melalui Pos-Pos Kawalan Imigresen bagi tempoh empat (4) tahun dari tahun 2021 sehingga Julai 2025 adalah seperti berikut:

Tahun	Keluar			Masuk		
	Warganegara Brunei	Warga Asing	Jumlah	Warganegara Brunei	Warga Asing	Jumlah
2021	10,949	139,795	150,744	10,225	124,048	134,273
2022	565,524	766,137	1,331,661	501,748	779,205	1,280,853
2023	2,402,550	2,333,198	4,735,848	2,109,665	2,393,672	4,503,337
2024	2,688,357	2,651,150	5,339,507	2,483,592	2,738,170	5,221,762
2025 (Jan-Julai)	1,401,876	1,594,128	2,996,004	1,212,730	1,644,870	2,857,600

Berkenaan dengan tujuan warga asing masuk ke Negara Brunei Darussalam, dikongsikan perangkaan jumlah warga asing yang dikeluarkan Pas Penuntut dan Pas Kerja (permohonan baru) bagi tahun 2021 hingga 2024 seperti berikut:-

JENIS PAS	2021	2022	2023	2024
Amah	1,520	6,271	4,164	3,183
Kerajaan	6	232	156	128
Pelajar	1,602	2,676	3,540	2,436
Syarikat	3,548	22,610	27,999	23,470
Jumlah	6,676	31,789	35,859	29,217

Bagaimanapun, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan tidak merekodkan maklumat warga asing yang masuk ke Negara Brunei Darussalam bagi tujuan kesihatan atau perubatan kerana memasukkan mereka lazimnya direkodkan sebagai pelawat biasa dan dikeluarkan Pas Lawatan semasa tiba di Pos-Pos Kawalan Imigresen.

Manakala itu, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan tidak merekodkan maklumat warganegara Brunei Darussalam dan warganegara asing yang keluar meninggalkan Negara Brunei Darussalam di dalam BMS berasaskan tujuan kerana data keluar hanya direkodkan sebagai keluar (*depart*) sahaja.

No. Soalan: PT047**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah pemilik lesen perniagaan yang mempamerkan barangan jualan di kaki lima premis mereka melakukan kesalahan, dan apakah tindakan yang diambil terhadap pesalah?

JAWAPAN:

Sebagai makluman bahawa Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah adalah bukan dibawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Namun begitu, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan telah melantik sebuah syarikat pengendali bagi Projek Pengurusan dan Pengendalian Tapak Letak Kereta Jalan Bendahara dan Acara Sepanjang Tahun di kawasan Pusat Bandar Seri Begawan selama dua (2) tahun. Aktiviti ini bertujuan untuk merangsang orang ramai untuk datang dan menceriakan Pusat Bandar, Bandar Seri Begawan dan mendokong perekonomian peniaga mikro dan kecil.

Selain itu, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah menyediakan lima (5) buah kiosk di Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan bagi mempelbagaikan aktiviti perniagaan di dalam kawasan Pusat Bandar Bandar Seri Begawan. Diyakini usaha ini boleh menjadikan kawasan Pusat Bandar sebagai satu pakej tarikan di negara ini.

Dalam masa yang sama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah menaiktaraf Gerai Tamu Selera dengan menaiktaraf infrastruktur, pencahayaan, dan tempat duduk pengunjung dengan objektif untuk membangkitkan suasana yang selesa.

No. Soalan: PT069

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian akan memanfaatkan Kompleks Yayasan untuk aktiviti seni kreatif, penjualan cenderahati tempatan, dan lanjutan waktu operasi *Food Street* bagi mengukuh ekosistem pelancongan Bandar Seri Begawan berdekatan Masjid SOAS, *Eco-Corridor* dan Kampung Ayer?

JAWAPAN:

Sebagai makluman bahawa Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah adalah bukan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Namun begitu, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan telah melantik sebuah syarikat pengendali bagi Projek Pengurusan dan Pengendalian Tapak Letak Kereta Jalan Bendahara dan Acara Sepanjang Tahun di kawasan Pusat Bandar Seri Begawan selama dua (2) tahun. Aktiviti ini bertujuan untuk merangsang orang ramai untuk datang dan menceriakan Pusat Bandar, Bandar Seri Begawan dan mendokong perekonomian peniaga mikro dan kecil.

Selain itu, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah menyediakan lima (5) buah kiosk di Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan bagi mempelbagaikan aktiviti perniagaan di dalam kawasan Pusat Bandar Bandar Seri Begawan. Diyakini usaha ini boleh menjadikan kawasan Pusat Bandar sebagai satu pakej tarikan di negara ini.

Dalam masa yang sama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga telah menaikkan Gerai Tamu Selera dengan menaikkan infrastruktur, pencahayaan, dan tempat duduk pengunjung dengan objektif untuk membangkitkan suasana yang selesa.

No. Soalan: PT077

PERTANYAAN : BERTULIS**DARIPADA : YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF****SOALAN:**

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah kerangka-kerja strategik bagi memperluaskan, memajukan serta menaiktaraf premis dan aktiviti perniagaan dan perusahaan di persekitaran Pekan Tutong dan Pekan Kuala Belait supaya lebih teratur serta vibrant ke arah green ekosistem yang kondusif?

JAWAPAN:

Seiring dengan aspirasi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memperkasa pembangunan bandar dan komuniti yang progresif, teratur serta kondusif kepada pertumbuhan ekonomi setempat, berbagai pendekatan strategik sedang, telah dan akan terus dilaksanakan oleh Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria dan Jabatan Bandaran Tutong.

Bagi kawasan perbandaran Kuala Belait dan Seria, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria memberi fokus kepada kerja-kerja penyelenggaraan bangunan-bangunan perniagaan melalui kontrak penyelenggaraan fasiliti bagi tempoh tiga tahun. Antara premis yang terlibat termasuk:

- Gerai Kompleks Sri Selera Seria & Gerai Pasarneka Kuala Belait, bagi tempoh bermula 01 Oktober 2022 sehingga 30 September 2025
- Pasarneka Seria, Jalan Lorong 3 Selatan Seria & Pasarneka Kuala Belait, Jalan Pasarneka Kuala Belait bagi tempoh bermula 01 Disember 2023 sehingga 30 November 2026

Turut dilaksanakan adalah projek one-off yang termasuk penggantian struktur khemah di Gerai Taman Persiaran, menaiktaraf Gerai Tudong Saji dan Gerai Bunga Simpur, serta kerja-kerja pembaikan dan mengecat beberapa premis seperti Pasar lama Kuala Belait dan Bangunan Kerajaan Kuala Belait dalam Tahun Kewangan 2024/205 dan 2025/2026.

Ke arah memperkasa lagi aktiviti ekonomi setempat, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria juga menganjurkan dan menyokong aktiviti perniagaan bermusim seperti

Gerai Perayaan, Gerai Ramadhan, dan Program KBKu Ceria. Jabatan juga bekerjasama dengan Jabatan Daerah Belait dan Majlis Perundingan Mukim, dan Kampung dalam merancang dan melaksanakan aktiviti perekonomian yang melibatkan penyertaan komuniti tempatan di kawasan perbandaran.

Bagi Kawasan perbandaran Pekan Tutong pula, Jabatan Bandaran Tutong telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik antaranya seperti berikut:

1. Mengadakan Kempen Kebersihan Bersepadu yang melibatkan warga perbandaran Tutong khususnya dengan penglibatan aktif pemilik premis bangunan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab bersama dalam menjaga kebersihan kawasan persekitaran perniagaan. Kempen ini juga bertujuan untuk memupuk budaya kebersihan yang berterusan dan memperbaiki imej perniagaan di mata pengunjung serta mewujudkan suasana perniagaan yang lebih selesa, teratur dan menarik. Usaha ini secara langsung menjadikan kawasan perniagaan lebih vibrant di samping mendorong para pemilik bangunan agar lebih bertanggungjawab dalam menyelenggara premis mereka sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan dan kemajuan aktiviti perniagaan secara mampan.
2. Kerjasama strategik dengan agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam menaiktaraf dan menyelenggara infrastruktur di kawasan perbandaran Tutong menjadikan kepentingan dalam pelaksanaan kemajuan Pembangunan terutama di kawasan perniagaan. Ini termasuk penglibatan Jabatan Kerja Raya dalam aspek pembaikan jalan, peningkatan sistem saliran dan penyediaan kemudahan, awam yang lebih sistematik. Dalam masa yang sama kerjasama erat bersama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, JASTRe dan ABCi dalam memainkan peranan masing-masing bagi Kerjasama mewujudkan kawasan perniagaan yang lebih vibrant, mesra pengguna dan berdaya tahan.
3. Kerja-kerja menaiktaraf secara berterusan aset-aset perniagaan Jabatan Bandaran Tutong termasuk Gerai Selera Tutong, Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong serta Pasar Malam Pekan Tutong sedang dan akan terus dilaksanakan.
4. Antara penambahbaikan yang dirancang dan telah dilaksanakan termasuk:
 - Penanaman Pokok di sekitar aset-aset perniagaan.
 - Pemasangan beberapa solar light.
 - Pemasangan ventilation yang menggunakan tenaga angin di bahagian atap pondok salaian.
 - Penyediaan pondok rehat yang dihiasi dengan berkonsepkan kehijauan

-
- Penyediaan tong sampah kitar semula.
5. Memperkasa perusahaan mikro, kecil dan sederhana melalui penyediaan ruang perniagaan bermusim dengan mengadakan aktiviti keceriaan Pekan Tutong yang melibatkan aktiviti perniagaan di kawasan persekitaran bandar dengan bertujuan untuk mewujudkan suasana yang lebih meriah, kondusif dan menarik bagi pengunjung serta penduduk tempatan. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan seperti TutongKu Ceria, Tutong Buzz, Pesta Satay, Perayaan Pekan Tutong, dan La' Kanon Pekan Tutong.

No. Soalan: PT084

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**SOALAN:**

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah kajian telah dijalankan terhadap impak kadar premium insurans pekerja asing yang mencecah BND100,000, khususnya terhadap majikan yang memerlukan pembantu rumah dan syarikat tempatan yang bergantung kepada tenaga kerja asing bagi menyokong kelancaran operasi dan usaha pemelbagaian ekonomi negara?

JAWAPAN:

Sebelum pelaksanaan Dasar Perlindungan Insurans pada 01 Julai 2025, memang ada kajian yang telah dibuat di antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bersama-sama dengan Jabatan Buruh dan Kementerian Kesihatan, pada mana hasil kajian tersebut telah mendapati bahawa masih terdapat beberapa isu berbangkit berkaitan dengan dasar perlindungan insurans perubatan bagi pekerja imigran seperti berikut:

1. Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa kos rawatan dan perubatan termasuk bagi penyakit-penyakit kronik di kalangan pekerja imigran telah mengakibatkan tunggakan pembayaran bil-bil perubatan khususnya di kalangan pekerja imigran di mana perlindungan insurans mereka telah mansuh dan tidak diperbaharui atau tidak mencukupi.
2. Tempoh insurans bagi pekerja imigran adalah bagi tempoh setahun sahaja yang mana tidak selaras dengan tempoh Pas Kerja iaitu kebenaran tinggal dan bekerja di Negara Brunei Darussalam yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.
3. Peningkatan kos perubatan disebabkan oleh kenaikan harga barangan dan peningkatan mesin-mesin perubatan yang terkini dan lebih canggih, kos pengendalian perubatan semakin meningkat dari masa ke semasa menyebabkan kos rawatan yang akan dikenakan kepada pesakit juga meningkat.

Bagi melaksanakan kajian lanjut, Jabatan Buruh bersama dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa sesi *Stakeholders' Engagement* bersama dengan majikan dan syarikat yang

terkesan dengan perubahan yang akan dilaksanakan, Agensi Pengambilan Pekerja dan Syarikat-Syarikat Insurans bagi memastikan ketersediaan serta kefahaman akan objektif pelaksanaan dasar ini. Hasil daripada sesi-sesi berkenaan, *stakeholders* yang berkaitan telah mengambil maklum akan perlindungan insurans perubatan yang berkuatkuasakan dan cadangan perlindungan insurans perubatan pekerja yang mana majoritinya mengambil baik akan cadangan baharu tersebut.

Selain itu, Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan juga pihak Kementerian Kesihatan telahpun mengadakan beberapa sesi pemberigaan dan taklimat kepada agensi-agensi berkenaan seperti *Brunei Insurance and Takaful Association* (BITA), Agensi-Agensi Pekerjaan, Syarikat-Syarikat Swasta dan Kedutaan Asing di Negara Brunei Darussalam. Manakala, pemberigaan siaran akhbar dan media massa melalui platform media sosial dan laman sesawang khusus bagi pemberigaan kepada orang ramai.

Di samping melaksanakan pengemaskinian Dasar Perlindungan Insurans, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Buruh juga telah menguatkuasakan bagi penetapan had yuran perkhidmatan bagi pengambilan pekerja domestik pada kadar tidak melebihi BND\$2,000.00 bermula pada tahun 2023. Ini bertujuan bagi membantu mengurangkan beban kewangan khususnya bagi pengambilan pekerja domestik. Ini adalah selaras dengan kehendak Bab 20 dari Perintah Agensi Pekerjaan, 2004 yang menggariskan "agensi pekerjaan yang berlesen tidak boleh mengenakan sebarang bayaran atau keuntungan selain daripada apa yang telah ditetapkan di bawah peruntukan atau peruntukan Perintah ini". Dengan pelaksanaan dasar ini, telah sedikit sebanyak mengurangkan beban majikan yang memerlukan pembantu rumah dan mengelakkan agensi pekerjaan untuk mengenakan yuran perkhidmatan yang tinggi, disamping dapat menjaga kemashlahatan rakyat dan penduduk negara ini dan juga pekerja domestik yang akan diambil supaya tidak akan terbeban dengan peraturan yang diperkenalkan.

No. Soalan: PT089

PERTANYAAN : BERTULIS**DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan dalam ketiadaan sebarang keperluan undang-undang yang mewajibkan majikan di Brunei untuk menyatakan skop kerja dalam iklan jawatan kosong, bagaimana para pencari kerja dapat membuat keputusan yang bermaklumat, mengelakkan eksploitasi, dan bersedia untuk peranan. Ini memandangkan ketidaksepadanan jangkaan boleh menyebabkan peletakan jawatan awal, rendah moral, atau pertikaian di tempat kerja.

JAWAPAN:

Pengiklanan jawatan telah diperuntukkan di bawah Bab 22, Perintah Agensi Pekerjaan 2004, yang menetapkan bahawa setiap iklan jawatan hendaklah mempunyai butiran mengenai kelayakan dan terma pekerjaan yang ditawarkan.

Definisi kontrak perkhidmatan di bawah Bab 2, Akta Pekerjaan (Penggai 278) ialah suatu perjanjian, sama ada secara bertulis atau lisan dan sama ada nyata atau tersirat, di antara majikan dan pekerja. Kontrak perkhidmatan hendaklah secara bertulis dan ditandatangani atau membubuh cap jari oleh kedua belah pihak sepertimana yang diperuntukkan di bawah Bab 10 pada Akta yang sama. Dalam pada itu, di bawah Bab 11 pada Akta yang sama, kandungan kontrak perkhidmatan hendaklah dengan jelas mentakrifkan hak-hak dan obligasi kedua pihak dalam kontrak itu termasuk butir-butir seperti berikut:-

1. Nama majikan dan alamat tempat bekerja;
2. Nama dan tempat asal pekerja;
3. Nama dan alamat waris kepada pekerja;
4. Jenis pekerjaan;
5. Tempoh pekerjaan dan cara pengiraannya;
6. Tempoh notis bagi penamatan kontrak perkhidmatan;
7. Kadar-kadar gaji dan cara pengiraannya, cara dan waktu pembayaran gaji, dan mana-mana pendahuluan gaji;
8. Langkah-langkah yang akan diambil untuk mengadakan peruntukan bagi kebajikan pekerja;
9. Syarat-syarat penghantaran balik bagi pekerja asing;
10. Sebarang syarat-syarat khas kontrak perkhidmatan.

Kontrak perkhidmatan antara majikan dan pekerja adalah bebas untuk berunding dan menetapkan syarat-syarat pekerjaan seperti skop kerja, tanggungjawab, ganjaran dan faedah lain, selagi tidak bertentangan dengan Akta Pekerjaan (Penggalaan 278). Ini memberikan fleksibiliti kepada kedua-dua pihak untuk menyesuaikan kontrak mengikut keperluan masing-masing.

Sebagai tambahan, pencari kerja masih boleh membuat keputusan yang bermaklumat melalui penilaian teliti terhadap kontrak perkhidmatan sebelum menandatangani. Pada peringkat tersebut, mereka digalakkan untuk bertanya mengenai skop kerja, tanggungjawab, gaji dan syarat-syarat berkaitan agar tidak berlaku ketidaksepadanan jangkaan.

Sebagai langkah sokongan, Jabatan Buruh telah menjalankan sesi pemberitahuan bukan sahaja kepada majikan-majikan syarikat dan pekerja-pekerja syarikat malah juga kepada para graduan mengenai hak-hak pekerja di bawah Akta Pekerjaan (Penggalaan 278) yang bertujuan meningkatkan kesedaran dan mengelakkan eksploitasi. Tambahan pula, Jabatan Buruh menyediakan khidmat penyelesaian pertikaian antara majikan dan pekerja melalui Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang dan Bahagian Pendakwaan dan Perundangan, yang melibatkan aduan pekerja, mediasi, denda kompaun dan tindakan pendakwaan.

No. Soalan: PT090

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan memandangkan peningkatan penggunaan kontrak jangka pendek yang dilanjutkan secara berulang di pasaran buruh Brunei, bolehkah Kementerian menjelaskan *Ambiguity* dalam *Employment Act (Cap 278)* berkenaan pengiktirafan perkhidmatan berterusan, khususnya berkaitan notis peletakan jawatan dan penamatan, agar panduan jelas dan konsisten dapat diberikan kepada semua pihak?

JAWAPAN:

Menurut Bab 10, Akta Pekerjaan (Penggagal 278) ada memperuntukkan mengenai Kontrak Perkhidmatan bagi semua pekerja sama ada tempatan mahupun asing termasuk pekerja domestik. Kontrak Perkhidmatan tersebut dibuat diantara majikan dan pekerja dan kedua belah pihak adalah bebas untuk berunding dan menetapkan syarat-syarat pekerjaan termasuk tempoh sama ada kontrak berterusan atau jangka pendek, selagi tidak bertentangan dengan Akta Pekerjaan (Penggagal 278). Di dalam Akta yang sama ada memperuntukkan dengan jelas takrifan mengenai hak-hak dan obligasi kedua belah pihak di dalam kontrak perkhidmatan. Kegagalan bagi majikan menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis adalah menjadi satu kesalahan dan boleh dikenakan suatu denda kompaun tidak melebihi \$1,000.00, atau boleh dihadapkan ke Mahkamah dan jika sabit, boleh dikenakan denda tidak melebihi \$3,000.00, penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali sepertimana diperuntukkan di bawah Bab 27, Akta Pekerjaan (Penggagal 278).

Berkaitan dengan penamatan perkhidmatan, ianya tertakluk kepada kontrak perkhidmatan. Jika notis penamatan perkhidmatan tidak terkandung di dalam Kontrak Perkhidmatan, ianya ditentukan berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti yang diperuntukkan oleh Akta tersebut iaitu di bawah Bab 22 (3), dengan tempoh notis minimum adalah seperti berikut:

Tempoh Perkhidmatan	Tempoh Notis Minimum
Kurang daripada 26 minggu	1 hari
26 minggu hingga kurang 2 tahun	1 minggu
2 tahun hingga kurang 5 tahun	2 minggu
5 tahun atau lebih	4 minggu

Sekiranya tempoh notis tidak dinyatakan dalam kontrak, kedua-dua pihak boleh menamatkan kontrak dengan membayar gaji sebagai ganti notis.

No. Soalan: PT046

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan berapakah peratus tanah pertanian aktif yang dimiliki dan diusahakan oleh syarikat atau usahawan tempatan berbanding entiti asing atau bukan pengusaha sebenar? Apakah strategi Kementerian untuk memperluas pemilikan dan penggunaan tanah oleh warga tempatan secara produktif dan mampan?

JAWAPAN:

Pada masa ini, sebanyak 3,876.93 hektar tapak KKP ditawarkan kepada 509 perusahaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 488 atau 96% diusahakan oleh perusahaan tempatan. Dalam memudahkan lagi pengusaha-pengusaha tempatan yang berminat untuk memohon tapak pertanian, pihak Kementerian telah menyediakan dasar permohonan tapak pertanian. Permohonan tapak pertanian boleh dibuat melalui 5 cara iaitu melalui:

- Projek Rintis;
- Program Pembesaran Perusahaan (expansion program);
- Projek Pelaburan Langsung Asing (FDI);
- Projek RFP (Request for Proposal); dan
- Melalui iklan.

Bagi memastikan penggunaan tapak pertanian diusahakan secara produktif dan mampan, pihak Kementerian akan membuat pemantauan tapak-tapak pertanian secara berterusan. Setiap tapak telah ditetapkan Key Performance Indicator (KPI) mengikut syarat yang dibenarkan. Bagi tapak-tapak yang kurang atau tidak aktif, pihak Kementerian akan memberi teguran dan khidmat nasihat dan bantuan teknikal bagi mengaktifkan semula ladang. Kegagalan untuk mengaktifkan semula ladang boleh menyebabkan kebenaran menduduki tapak ditarik balik.

Adalah diingatkan kepada pengusaha-pengusaha tapak supaya tidak menyewakan kepada orang lain terutama orang asing. Perkara ini adalah menyalahi peraturan penyewaan tapak dan mana-mana yang didapati menyewakan tapak-tapak pertanian, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang berpatutan.

No. Soalan: PT051

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah rancangan kerajaan dalam mewujudkan mekanisme pasaran jaminan hasil (*price assurance mechanism*) bagi produk-produk pertanian tempatan yang terdedah kepada turun naik harga mendadak, bagi menjamin kelangsungan operasi dan minat pelabur swasta?

JAWAPAN:

Pihak Kementerian pada ketika ini tidak memiliki perancangan untuk mengawal kadar harga jualan, khususnya bagi hasil pertanian. Namun demikian, Kementerian ini sentiasa melaksanakan pemantauan secara aktif terhadap harga jualan hasil pertanian di pasaraya tempatan. Pemantauan ini bertujuan untuk mengumpul data bagi memahami keadaan semasa harga pasaran. Maklumat harga tersebut juga digunakan sebagai rujukan dalam membuat anggaran nilai hasil pertanian pada tempoh tertentu.

Sehubungan ini, pihak Kementerian dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga akan terus melaksanakan pemantauan bagi tren pengimportan produk-produk pertanian, khususnya yang dikenalpasti boleh dihasilkan di Negara Brunei Darussalam dan berpotensi mengimbangi import, bagi memastikan impak bekalan produk-produk tersebut kepada pasaran Negara Brunei Darussalam adalah terkawal dan stabil.

No. Soalan: PT052**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk mewujudkan satu ekosistem pertanian negara yang boleh berdikari dalam tempoh 10 tahun akan datang, termasuk dari segi benih, baja, buruh mahir, logistik dan pasaran, agar sekuriti makanan negara benar-benar bebas daripada tekanan geopolitik dan gangguan rantai bekalan global?

JAWAPAN:

Sebagai langkah memastikan keterjaminan sekuriti makanan negara, beberapa langkah telah dan sedang dilaksanakan, ini termasuk:

1. Kementerian melalui jabatan-jabatan di bawahnya, melaksanakan pemantauan ke atas kategori makanan utama yang menjadi komoditi fokus industri. Bagi komoditi seperti ayam, telur dan daging lembu, pemantauan dilakukan secara suku tahunan bagi menilai tahap kecukupan dan ketersediaan di pasar raya serta kedai runcit, termasuk unjuran bagi bulan-bulan akan datang. Usaha ini bukan sahaja menyokong strategi keterjaminan makanan, malah membolehkan potensi gangguan dalam rantai bekalan dikenal pasti dan ditangani lebih awal.
2. Mengukuhkan semua rantai perusahan dari peringkat pengeluaran benih seperti anak ayam/anak ikan dan juga biji benih tanaman hingga peringkat pengeluaran ayam/ikan/padi/sayuran dan seterusnya peringkat pemprosesan. Inisiatif pengukuhan ini memastikan bahawa Negara ini tidak terlalu bergantung kepada import bagi parent stocks ayam/broodstocks ikan/biji benih padi & sayur.
3. Melaksanakan Export Drive Initiative bagi menggalakan perusahaan makanan di negara ini meningkatkan pengeluaran mereka bukan saja untuk pasaran domestik malah jua pasaran export. Jika banyak perusahaan di negara ini berjaya menembusi pasaran eksport, akan menjadikan Negara bukan saja mencapai status self sufficiency malah menjadi Net Exporter makanan terutamanya downstream products.
4. Mengenalpasti sumber benih yang sesuai di negara ini bagi meningkatkan produktiviti dan hasil pengeluaran bagi setiap hektar terutamanya bagi pengeluaran beras yang mana tahap sara diri baru mencapai 8%.

5. Khusus bagi beras dan daging lembu, selain daripada pengeluaran dalam negeri dan kementerian jua dengan kerjasama pihak MoFE sedang meneroki peluang peluang usahasama lain bagi meningkatkan tahap sara diri negara ini.
6. Dengan kerjasama dengan pihak BEDB, mengalu-alukan pelaburan langsung asing bagi melabur projek perusahaan makanan yang meliputi semua rangkaian perusahaan dari pengeluaran biji benih atau penetasan benih ayam, ikan dan udang, pembiakan hinggalah kepada pemprosesan dan pemasaran produk berkenaan,

Bagi memastikan kualiti dan keselamatan produk agrimakanan yang dihasilkan oleh syarikat pemprosesan makanan tempatan, pemantauan kebersihan premis dan pensampelan produk makanan dikendalikan bagi syarikat yang berdaftar di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

- Pemantauan kebersihan premis dan pensampelan produk makanan dilakukan setiap bulan bagi setiap syarikat home-based dan setiap 3 bulan bagi syarikat berskala besar.
- Sampel calitan premis dianalisa oleh Makmal Veterinar Terunjing, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber - Sumber Utama dan Pelancongan, manakala sampel produk makanan dianalisa oleh Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan, bagi analisa mikrobiologi.

Menyedari bahawa Food Security ini bukanlah saja tanggung jawab pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama malah tanggung jawab berbagai pihak, sama ada dari pihak Kerajaan, pihak swasta dan juga pihak pengusaha individu sendiri. Ini memerlukan *a whole nation approach* bagi menjayakan usaha ini. Kementerian ini akan di teruskan berkerja sama erat dengan semua pihak berkepentingan dalam mencapai hasrat food security bagi Negara Brunei Darussalam.

No. Soalan: PT057**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan apakah perkembangan selanjutnya mengenai pertanian di negara ini susulan daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan pada persidangan pertama MMN pada tahun ini seperti membuka kawasan baru bagi penanaman padi, membaik pulih sistem saluran air, menyediakan infrastruktur pertanian, program pembangunan kapasiti bagi peladang, pembiayaan dari segi kewangan, dan sebagainya.

JAWAPAN:

Bagi pembukaan kawasan baru bagi penanaman padi, Alhamdulillah, Pembangunan Kawasan Fasa 1 dan Fasa 2A Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol telah siap dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2023 dengan jumlah kawasan plantable seluas 174 hektar. Dalam masa yang sama pembangunan tapak dilaksanakan, kawasan tersebut juga diusahakan secara berperingkat oleh Syarikat PaddyCo Sdn. Bhd. dan kemudiannya ke Syarikat Wasan Milling Company Sdn. Bhd., iaitu Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan.

Pada masa ini, penanaman padi di Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol telah dilaksanakan selama 10 musim penanaman dan secara kumulatif, jumlah pengeluaran padi yang dihasilkan sejak musim pertama hingga musim kesepuluh adalah sebanyak 365.5 tan metrik.

Sehubungan dengan usaha bagi meningkatkan lagi produktiviti pengeluaran padi di kawasan yang sedia ada, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah memfokuskan kepada penggunaan teknologi dan varieti padi berhasil tinggi. Di samping itu, pihak Kementerian juga sedang berusaha meningkatkan kesuburan tanah melalui pendekatan Regenerative Agriculture iaitu dengan penggunaan baja organik.

Pada masa ini, pihak Kementerian dengan kerjasama pihak Syarikat Wasan Milling Company Sdn. Bhd. sedang melaksanakan kajian keberkesanan penggunaan baja organik keluaran tempatan dalam meningkatkan kesuburan tanah dan meningkatkan produktiviti padi. Kajian ini telah memasuki musim kedua dan hasil kajian awal


menunjukkan hasil yang sangat positif. InsyaAllah kajian ini akan diteruskan bagi sekurang-kurangnya tiga musim bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih reliable.

Dari segi penyediaan infrastruktur asas di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) telah dikembangmajukan daripada 28% pada tahun 2023 kepada 40% pada tahun 2024, merangkumi jalan utama, jalan ladang, bekalan air domestik, bekalan elektrik, serta sistem pengairan dan saliran.

	2022	2023	2024
% KKP lengkap infrastruktur asas	26	28	40

Dalam konteks meningkatkan kapasiti peladang, setakat tahun 2024, sebanyak **9 siri Program Pendedahan Belia-Belia Yang Berpotensi Untuk Menceburi Bidang Pertanian Berteknologi Tinggi** telah dilaksanakan, melibatkan seramai **164 orang belia**. Pada tahun ini, Program Belia yang ke-10 telah berlangsung pada 23hb Jun hingga 5hb Julai yang lepas, dengan penempatan belia-belia di ladang-ladang syarikat: Hua Ho Agricultural Farm, Harvest Moon Trading, Akmal Asmaan Agriculture Farm, Gropoint Sdn Bhd, Food United, dan Natural Healing Enterprise. Berikut adalah jumlah belia yang mengikuti program sejak tahun 2018 hingga 2024:

Tahun	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	Jumlah Keseluruhan
Jumlah Belia	30	20	13	35	18	23	25	164



Di samping Program Pendedahan Belia Berpotensi, pihak Kementerian juga menyambut baik serta menyokong inisiatif **Persatuan Peladang Pertanian Brunei** dalam mengusulkan Program Latihan dan Keusahawanan Agro yang bertujuan untuk melahirkan pengusaha-pengusaha baru terutama sekali di kalangan golongan belia tempatan yang telah dilatih dalam bidang perladangan serta keusahawanan dan diberikan post training support sehingga dapat berdikari.

Projek Belia Berpadi juga adalah salah satu program usahasama antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Pusat Pembangunan Belia dari tahun 2015 dengan objektif untuk menggalakkan lebih ramai belia menceburi dalam pengeluaran beras negara dan memberi peluang pekerjaan, disamping meningkatkan ekonomi keluarga. Para belia yang mengikuti program ini juga menyertai latihan secara teori dan amali melalui Sekolah Peladang Penanaman Padi (Rice Farmers Field School) dan mempelajari sistem semakan padi yang boleh mempengaruhi hasil dan kualiti padi, iaitu biji benih berkualiti, penyeliaan sawah padi, penanaman serentak, penapakan tanaman, pengurusan nutrient tanaman, pengurusan air, pengurusan musuh perosak dan pengurusan penuaian.

Inisiatif pertama di bawah Program Belia Berpadi dimulakan di Kawasan Penanaman Padi KKP Bebuloh melibatkan keluasan 15 hektar yang mana 1 hektar diperuntukkan bagi setiap seorang daripada 15 orang belia pada tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, 5 orang belia yang menunjukkan prestasi baik telah diberikan peluang untuk mengusahakan hampir 2 hektar setiap seorang di Kawasan Penanaman Padi KKP Wasan.

Satu lagi inisiatif yang bernama Projek AgroBIZ sumbangan Shell LiveWIRE Brunei juga bermula pada tahun 2019 antara Shell LiveWIRE Brunei dengan Kampus Agroteknologi IBTE Wasan dengan objektif untuk memberi pendedahan kepada para belia terhadap penanaman padi dengan menggunakan peralatan moden dan kaedah pertanian mampan iaitu bebas racun kimia, penggunaan baja organik dan penggunaan sistem pengairan yang efisien. Program pembelajaran ini juga termasuk penggunaan drone bagi aplikasi input pertanian, penanaman tanaman cash crop, pengurusan lepas tuai termasuk pengilangan dan pemprosesan padi dan beras. Seluas 10 hektar di kawasan Kampus Agroteknologi IBTE Wasan dibukakan dan dilengkapi dengan infrastruktur asas seperti sistem pengairan dan saliran. Projek ini telah dilaksanakan selama tiga tahun sahaja dan seramai 52 peserta dari 3 cohort telah ikut serta.

Pada 2021, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah menawarkan pihak KKBS satu lagi kawasan seluas 20 hektar di Kawasan Penanaman Padi KKP Batong sebagai kawasan tambahan bagi para belia berpadi. Sebilangan para belia daripada projek AgroBIZ juga diserapkan di bawah Projek Belia Berpadi dan ditawarkan kawasan di KKP Batong.

Sehubungan ini, Kementerian juga akan terus berusaha menarik belia untuk menceburi bidang dan aktiviti pertanian dan perikanan, dengan memudahcara proses bagi mendapatkan akses kepada kewangan, melalui perbincangan bersama institusi-institusi kewangan untuk mengadakan "start-up capital" sebagai pinjaman bagi penyediaan tapak-tapak tanaman seperti pembersihan dan pembukaan kawasan dan pembangunan rumah hijau bersistem teknologi tinggi, dan para belia akan memulakan operasi untuk menjana pendapatan.

No. Soalan: PT087

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan adakah Kementerian ada mempertimbangkan bagi mengadakan kerjasama dengan perkhidmatan pengangkutan untuk menawarkan insentif lawatan bandar yang singkat bermula dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menarik pelancong transit? Ini adalah bagi mengetengahkan tarikan utama dan menggalakkan tempoh persinggahan yang lebih lama?

JAWAPAN:

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kini sedang membangunkan inisiatif Transit Tour Program sebagai sebahagian daripada strategi untuk menarik pelawat transit yang singgah di **Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei**. Objektif utama program ini adalah untuk menggalakkan mereka **melanjutkan tempoh persinggahan**, serta meningkatkan **perbelanjaan pelancongan dalam negara** walaupun dalam masa yang terhad.

Melalui program ini, pelawat akan ditawarkan pakej **lawatan bandar singkat berdurasi antara 3 hingga 6 jam**, yang mengetengahkan beberapa tarikan ikonik negara seperti **Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kampung Ayer, Brunei River Cruise, dan Tamu Kianggeh**. Untuk memastikan reka bentuk pakej ini benar-benar menepati kehendak pelawat transit, **Transit Survey** akan dilaksanakan bagi mengenal pasti minat, keperluan, dan profil pelawat - termasuk dari segi harga, tempoh lawatan, lokasi tumpuan, dan jenis pengangkutan.

Kementerian juga telah memulakan **kerjasama strategik** bersama pelbagai rakan industri termasuk penyedia pengangkutan seperti **DART**, syarikat **penyewaan kereta**, syarikat **telekomunikasi tempatan**, pihak **pengurusan lapangan terbang**, **hotel berhampiran**, serta **Royal Brunei Airlines**, selain bekerjasama dengan **Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi** melalui Connectivity Working Group untuk menyokong integrasi antara sektor pelancongan dan pengangkutan awam.

Antara elemen yang sedang dipertimbangkan ialah penyediaan **Transit Discovery Pack** yang mengandungi baucar diskaun, itinerari ringkas, peta pelancongan, dan perkhidmatan ulang-alik kos rendah ke destinasi utama. Usaha ini bukan sahaja akan mempertingkatkan **pengalaman pelawat transit**, tetapi juga memberi pendedahan

kepada produk pelancongan negara secara optimum. Dengan pendekatan berfasa dan sokongan pelbagai pihak, Kementerian yakin bahawa Brunei Darussalam berpotensi untuk dikenali sebagai **destinasi transit yang unik dan berkualiti tinggi**, serta berupaya menanam minat pelawat untuk kembali semula sebagai pelancong utama ke negara ini.

No. Soalan: PT050

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah pemantauan terhadap kerosakan jalan kecil yang digunakan oleh pemaju semasa dan selepas pelaksanaan projek pembangunan? Ini memandangkan terdapat aduan penduduk sering timbul dan keadaan ini menjejaskan kesejahteraan serta kesejahteraan mereka.

JAWAPAN:

- Kementerian Pembangunan melalui permohonan Permit Memulakan Kerja-Kerja Bangunan atau Borang C di bawah Akta Kawalan Bangunan (Penggali 256) telah menetapkan tanggungjawab Pembina dan Qualified Persons dalam memastikan kemudahan awam dan harta benda kerajaan termasuk jalan kecil tidak terjejas akibat pelaksanaan projek dan membaiki pulih sebarang kerosakan yang berpunca dari aktiviti mereka dengan menanggung kos kerja pembaikan. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan permit mereka ditangguhkan atau dibatalkan.
- Salah satu cara pengesahan pematuan adalah melalui dokumen *Pre-Construction Survey* yang dihadapkan melalui *Qualified Persons* dalam Borang C, bagi menentukan keadaan asal tapak dan kawasan berdekatan yang termasuk gambar sepanjang jalan akses yang dibenarkan menuju ke tapak pembinaan sebelum kerja pembinaan dimulakan. Jika terbukti kerosakan jalan adalah disebabkan oleh kemajuan, pihak ABCi akan membuat teguran secara bertulis dan pemantauan melalui Notis Amaran.
- Dari aduan yang diterima pada tahun 2024 hingga 2025 ini, sebanyak 93 aduan mengenai jalan raya rosak telah direkodkan iaitu sebanyak 55 aduan jalan raya rosak di kawasan perumahan dan sebanyak 38 aduan jalan raya rosak di kawasan Komersial. Sebanyak 26 aduan jalan rosak telah ditangani manakala selebihnya masih dalam penelitian dan pemantauan.
- Bermula Disember 2024, pihak ABCi juga telah mempertingkatkan pemberigaan kepada Pembina bagi kemajuan yang telah mendapat kelulusan Permit Memulakan Kerja-Kerja Bangunan, dimana penerangan mengenai kepentingan menghadapkan laporan *Pre-Construction Survey* telah ditekankan bagi mengurangkan isu aduan kemajuan terutama aduan jalan rosak berdekatan dengan tapak pembinaan. Pemberigaan ini telah diadakan pada 2 Disember 2024 dan Februari 2025 dan akan diteruskan pada September 2025 ini.

No. Soalan: PT053

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan berapakah jumlah kos penyelenggaraan kerosakan dan pembaikan di kawasan perumahan awam dalam tempoh 5 tahun kebelakangan? Apakah penambahbaikan sistem pemantauan aduan pengguna yang sedang dan akan dilaksanakan?

JAWAPAN:

- Kos penyelenggaraan kerosakan dan pembaikan di kawasan perumahan awam termasuk aset-aset Jabatan dalam tempoh 5 tahun kebelakangan berjumlah kira-kira \$1,910,000.00 Kos ini merangkumi kerja-kerja membaikpulih:
 - Longkang;
 - Grating Longkang;
 - Pagar Longkang;
 - Fasiliti Sukan;
 - Kompleks Anggerek Desa dan Mata-Mata; dan
 - Rumah-Rumah
- Pihak Kerajaan akan terus menggunakan Talian Darussalam 123 sebagai sistem utama dalam menerima aduan-aduan untuk ditangani dan memantau keberkesanan tindakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Sekian sahaja yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Lau How Teck tersebut

No. Soalan: PT058

PERTANYAAN : BERTULIS**DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah kerja-kerja menurap dan membaiki jalan raya akan meliputi semua jalan-jalan utama daerah memandangkan pihak Kementerian giat melakukan pembaik pulih? Ini mengambil kira atas usaha gigih Kementerian dalam menurap jalan jalan raya utama, termasuk jua penanaman pokok di sepanjang beberapa jalan lebuhraya pada masa ini.

JAWAPAN:

- Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Jalan Raya sememangnya melaksanakan kerja-kerja membaikpulihan dan menurap semula jalan-jalan secara berterusan dan berperingkat meliputi semua jalan-jalan utama daerah mengikut keutamaan dan peruntukan yang diluluskan.
- Penyelenggaraan jalan dan peningkatan keselamatan seperti kerja-kerja membaikpulihan dan menurap semula jalan-jalan rosak yang dijalankan secara berjadual. Daripada 18 projek yang disusun, sejumlah 7 kontrak penggal telah siap di mana sepanjang **7.778 km** jalan utama telah selesai dibaik-pulih dan diturap semula, iaitu:
 1. Lebuhraya Tungku dan Jalan Masjid Omar 'Ali Saifuddien (3.5km)
 2. Jalan Kebangsaan (0.670 km)
 3. Jalan Utama Mentiri (0.4 km)
 4. Lebuhraya Sultan Hassanah Bolkiah (Airport Bound) (0.583 km)
 5. Jalan Gadong (0.820 km)
 6. Lebuhraya Lumut – Belait (1.4km)
 7. Jalan Jerudong (0.405 km)
- Manakala 8 kontrak sedang dalam pelaksanaan, 2 menunggu kebenaran dari Lembaga Tawaran Negara dan 1 untuk ditawarkan semula yang merangkumi jalan-jalan utama.
- Jabatan Jalan Raya juga telah mula menggunakan teknologi baru dalam kerja-kerja membaikpulihan dan menurap semula bagi memastikan ketahanan jalan raya serta memanjangkan jangka hayat jalan tersebut, iaitu:

1. Penggunaan fibres dalam campuran aspal bertujuan menguatkan ikatan diantara *aggregates* dan *bitumen* untuk meningkatkan ketahanan lapisan aspal daripada keretakan dan berombak.
2. Pemasangan Fiberglass Reinforcement Grid bertujuan untuk meningkatkan kekuatan dasar struktur jalan raya untuk lebih tahan terhadap beban lalu lintas seterusnya mencegah jalan tidak rata seperti *deformation* sepanjang tapak roda/laluan tayar kenderaan (*wheel rutting*), retak dan sebagainya.
3. Polymer yang digunakan dalam campuran *roadbase* (atau batu) ini mampu untuk menghasilkan lapisan yang meningkatkan ketahanan terhadap air dan beban lalu lintas yang mana ini mengurangkan terjadinya jalan berlobang, retak dan sebagainya.
- Penggunaan teknologi ini akan dipantau bagi melihat keberkesanannya untuk meluaskan lagi penggunaan kepada jalan-jalan utama lain seperti berikut:
 1. Jalan Tutong
 2. Jalan Kota Batu
 3. Jalan Sungai Akar
 4. Lebuhraya Muara-Tutong
 5. Lebuhraya Tutong Telisai
 6. Jalan Labu-Bangar
 7. Jalan Bangar – Puni
 8. Jalan Batang Duri
 9. Jalan Selangan Bukok
 10. Jalan Utama Salambigar
 11. Jalan Penghubung Tanah Jambu
 12. Jalan Pengiran Babu Raja
 13. Jalan Industri Beribi
 14. Jalan Ripas.
- Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan bagi soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman tersebut. Sekian Terima Kasih.

No. Soalan: PT059

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN**

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah perkembangan dalam menimbang kaedah baru pembiayaan Skim Perumahan Negara seperti PPP? Jika masih belum ada, adakah Kementerian akan berupaya meneruskan pembinaan rumah di bawah Skim Perumahan Negara dan Skim Perumahan Rakyat Jati memandangkan senarai pemohon semakin bertambah.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan bersama Brunei Economic Development Board (BEDB) sedang meneroka kaedah kemungkinan penghasilan rumah melalui peruntukan atau pembiayaan alternatif seperti Private Public Partnership.

Jabatan Kemajuan Perumahan telahpun membuat sesi dialog bersama sektor (bank) pada suku pertama tahun 2025 bertujuan bagi mendapatkan input dari pihak bank mengenai pembiayaan pinjaman rumah seperti struktur pinjaman, kadar faedah dan pinjaman. Insya Allah pada suku ketiga tahun ini, sesi dialog akan diteruskan bersama pemaju tempatan.

Pihak Kementerian juga akan terus menerokai kaedah-kaedah lain yang difikirkan dapat membantu mempercepatkan kadar penyediaan rumah baru tanpa menjejaskan matlamat sosial Skim Perumahan Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

No. Soalan: PT060

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan adakah bayaran akan dikenakan ke atas kenderaan luar negara memandangkan kos penyelenggaraan rutin Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien dan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha mencecah BND300,000 dan BND50,000 setahun? Ini adalah untuk menyokong kelestarian fiskal, menampung kos penyelenggaraan, dan memperkukuh keterhubungan serantau secara mampan.

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam atas persoalan mengenai sama ada bayaran akan dikenakan ke atas kenderaan luar negara yang menggunakan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Pada masa ini bayaran yang dikenakan kepada kenderaan luar negara adalah melalui Exit and Entry System (EES) yang dikawal oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian sahaja yang Kaola dapat sampaikan bagi menjawab soalan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam. Sekian Terima kasih.

No. Soalan: PT070

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN**

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan berapakah jumlah rumah di bawah Skim Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati yang telah dikembalikan kepada kerajaan kerana tiada pewaris, apakah tindakan kementerian untuk mengendalikan isu ini?

JAWAPAN:

Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima Kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin atas soalan yang diajukan.

Berdasarkan rekod Jabatan Kemajuan Perumahan, sehingga kini belum ada rumah di bawah Skim Perumahan Negara yang diambil semula oleh pihak Kerajaan kerana pemilik rumah yang telah meninggal dunia tidak mempunyai waris yang hadir untuk mengambil alih rumah berkenaan.

Walaupun, apa-apa jua urusan harta sepeninggalan orang yang telah meninggal dunia, termasuk urusan harta tanpa waris adalah ditangani dengan hukum waris atau faraid.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

No. Soalan: PT071

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN**

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan berapakah jumlah permohonan Skim Perumahan Negara yang masih menunggu kelulusan setakat tarikh terkini, mengambil kira peranan program dalam membantu rakyat memiliki rumah sendiri?

JAWAPAN:

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Sehingga Februari 2025 jumlah pemohon-pemohon yang telah mendapat kebenaran bagi mengikuti Skim Perumahan Negara bagi seluruh daerah adalah 9,114 pemohon. Manakala jumlah pemohon-pemohon yang masih dalam proses penelitian syarat kelayakan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan sebelum dihadapkan untuk mendapatkan kebenaran mengikuti Skim Perumahan Negara bagi seluruh Daerah adalah sebanyak 35,178 pemohon.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

No. Soalan: PT072

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI
BIN HAJI MOMIN**SOALAN:**

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan bolehkah pihak Kementerian menjelaskan usaha menyediakan panduan ejaan Jawi yang seragam dan mudah diakses, memandangkan pindaan atau penolakan permohonan papan tanda bukan sahaja melambatkan kelulusan tetapi juga menambah kos kepada pemilik perniagaan?

JAWAPAN:

- Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin atas soalan yang telah dikemukakan.
- Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik permohonan papan tanda yang dikendalikan oleh ABCi, hanya 5% daripada jumlah keseluruhan permohonan telah ditolak atau dipinda yang mana bukan disebabkan oleh penggunaan ejaan Jawi, akan tetapi disebabkan oleh perkara seperti maklumat yang tidak lengkap, lokasi pemasangan bukan kawasan yang dibenarkan atau penyesuaian teknikal seperti ketinggian papan tanda bagi keselamatan pengguna jalan raya,
- Secara amnya, langkah pertama bagi syarikat perniagaan yang ingin memohon papan tanda ialah mengemukakan permohonan penterjemahan dan tulisan Jawi serta Tulisan Rumi dengan lakaran (sketch) kepada Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka terlebih dahulu bagi pengesahan. Panduan penggunaan tulisan Jawi bolehlah dirujuk kepada Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Setelah mendapat pengesahan tulisan Jawi dan tulisan Rumi tersebut, barulah pemohon menghadapkan permohonan kebenaran untuk pemasangan papan tanda ke ABCi melalui sistem *online* iaitu Sistem Onebiz dengan menyertakan pengesahan awal dari Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka tersebut sebagai salah satu dokumen yang diperlukan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab persoalan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin tersebut.

No. Soalan: PT091**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan apakah langkah konkrit untuk memperkukuh sistem amaran awal banjir setempat bagi kawasan yang kerap mengalami banjir, termasuk pemasangan sensor paras air, sistem amaran SMS dan siren, pemetaan risiko banjir terperinci, serta latihan kesiapsiagaan komuniti bagi meningkatkan keberkesanan mitigasi banjir secara menyeluruh?

JAWAPAN:

- Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima Kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin bagi soalan yang telah diajukan mengenai langkah memperkukuh sistem amaran awal banjir setempat.
- Jabatan Saliran dan Pembetulan telah menubuhkan satu Unit Hidrologi yang telah melaksanakan sistem pemantauan banjir secara jarak jauh sejak tahun 2019, menggunakan alat sensor paras air berasaskan teknologi Internet of Things (IoT) khususnya di kawasan-kawasan tadahan seperti Sungai Kedayan dan Sungai Damuan. Maklumat ini dipantau melalui sistem amaran yang disambungkan kepada aplikasi mudah alih, Keberkesanan sistem ini telah dapat membantu Jabatan dalam melaksanakan langkah awal bagi mengurangkan risiko banjir.
- Usaha ini akan diperluaskan dengan pemasangan lebih 100 alat sensor tambahan di beberapa kawasan tadahan banjir di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12, seperti di kawasan tadahan Sungai Tutong (Kg Lubok Pulau, Pekan Tutong, Keriam dan kawasan sekitarnya), di tadahan Sungai Belait (Kuala Belait dan Seria), serta tadahan Sungai Temburong (Pekan Bangar, Senukoh dan Rataie) di Daerah Temburong. Projek Drainage Data Management Support System Fasa 1, dengan kerjasama Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, yang pada masa ini berada diperingkat penyediaan rekabentuk, dijangka akan ditawarkan pada bulan Disember 2025 ini.
- Inisiatif ini juga akan dilaratkan kepada pemberian akses maklumat pemantauan banjir secara langsung kepada orang ramai, khususnya penduduk di kawasan yang mudah terkesan dengan banjir, melalui SMS dan platform digital yang menyampaikan maklumat paras air dan ramalan cuaca yang relevan secara pantas dan mesra pengguna.

- Sebagai langkah permulaan, satu kawasan tadahan banjir akan dijadikan sebagai projek perintis (pilot project) untuk ujian sistem pemantauan terbuka kepada orang ramai dimana akan menjadi asas bagi menilai keberkesanan sistem dari sudut teknikal, logistik serta penerimaan masyarakat umum.
- Secara keseluruhan, pelaksanaan sistem amaran awal banjir ini akan dijalankan secara berfasa dan berterusan di bawah Rancangan Kemajuan Negara yang akan datang. Ini termasuk kajian kebolehlaksanaan sistem amaran melalui SMS dan siren, bagi meningkatkan keberkesanan komunikasi risiko kepada masyarakat.
- Dari aspek mitigasi pula, pemetaan risiko banjir telah dan sedang dilaksanakan sebagai satu komponen utama dalam pengurusan bencana banjir negara. Pemetaan ini merupakan pra-syarat kepada pelaksanaan projek-projek saliran berskala besar. Antara projek yang termasuk dalam skop projek RKN Ke-12 ialah Brunei Darussalam Drainage Masterplan dan Sungai Belait & Temburong Floodplain Management Studies, yang mana tawaran bagi projek-projek ini telah ditutup pada 22 Julai 2025 dan pada masa ini dalam proses penilaian tawaran.
- Keseluruhannya, pendekatan menyeluruh ini akan terus diperkukuhkan dan ditambah baik bagi memastikan sistem amaran awal banjir yang lebih responsif, inklusif dan berdaya tahan, dengan penglibatan aktif masyarakat dalam kesiap-siagaan menghadapi bencana banjir.
- Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian sahaja jawapan yang Kaola dapat sampaikan dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin

No. Soalan: PT054

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kadar penyertaan pelajar dalam program TVET pertanian dan agro-makanan, serta kadar sebenar penempatan pekerjaan selepas tamat pengajian, tidak termasuk penempatan sementara seperti program perintisan?

JAWAPAN:

Terima kasih **Yang Berhormat Awang Lau How Teck** atas soalan yang diajukan.

Institusi Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), melalui Sekolah Agro-Teknologi dan Sains Gunaan di Kampus Agro-Teknologi IBTE, menawarkan beberapa program yang telah mengalami perubahan susulan pemansuhan program-program tertentu. Satu bengkel *After Action Review* telah diadakan dengan penglibatan pakar industri dan tenaga pengajar bagi membincangkan penambahbaikan kurikulum dalam bidang pertanian dan agri-makanan. Berikut merupakan senarai program serta jumlah pelajar yang mengikuti program berkaitan, merangkumi pengambilan pelajar (yang sedia ada) dari tahun 2023 hingga kini.

Bil	Nama Program	Tahun Kemasukan		
		2023	2024	2025
1	HNTec in Agrotechnology;			85
1a	Specialised in Agricultural Mechanics	19	13	
1b	Specialised in Aquatic Science	13	10	
1c	Specialised in Crop Technology	19	22	
1d	Specialised in Food Technology	17	15	
1e	Specialised in Veterinary and Livestock Management	15	7	

2	NTec in Agri-Industry	35	39	39
3	NTec in Aquaculture	32	37	37
4	NTec in Food Processing	24	29	29
Jumlah Keseluruhan		174	172	190

*Bagi pengambilan tahun 2025, pelajar akan memilih bidang pengkhususan masing-masing pada Semester 2.

Di dalam program-program berkenaan, pelajar diberikan pendedahan alam realiti pertanian dan agro-makanan melalui pembelajaran praktikal di institusi dan juga melalui program penempatan kerja selama enam (6) bulan. Pendedahan ini memberikan mereka *authentic learning* agar mereka lebih berdaya-tahan sebagaimana yang dikehendaki dalam bidang ini. Amalan mengurus ladang mereka sendiri juga diselitkan dalam program ini dalam menanamkan sifat seorang peladang walaupun waktu cuti semester. Di samping itu, mereka turut diberikan pendedahan kepada modul-modul keusahawanan sebagai persediaan dan untuk melatih kemahiran dalam menjalankan perniagaan sendiri.

Berdasarkan data dari kajian *Graduate Employment Study* yang dilaksanakan setiap tahun oleh pihak IBTE, Kadar Kebolehpekerjaan (*Employment Rate*) graduan-graduan dari program pertanian dan agro-makanan di IBTE, enam bulan selepas majlis konvokesyen adalah dalam purata 50%.

Sementara itu, Kadar Keberkaitan (*Relevancy Rate*) graduan-graduan dari program pertanian dan agro-makanan di IBTE menggambarkan tahap keberkaitan antara pekerjaan dengan program pengajian yang diikuti di IBTE, adalah purata 43% pada tahun 2025.

Pihak IBTE akan sentiasa memantau keberkesanan semua programnya, termasuk program pertanian dan agro-makanan.

No. Soalan: PT055**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang menerima bantuan kewangan pendidikan mengikut jenis bantuan dalam tempoh lima tahun kebelakangan? Adakah terdapat data pemantauan pencapaian akademik mereka?

JAWAPAN:

Terima kasih **Yang Berhormat Awang Lau How Teck** atas soalan yang diajukan.

Kementerian Pendidikan menghulurkan bantuan (bukan dalam bentuk kewangan) seperti, peralatan dan pakaian sekolah, pengangkutan, permakanan dan tempat kediaman. Sementara itu, elaun pelajar adalah merupakan kemudahan dalam negeri yang dihulurkan, antaranya kepada pelajar-pelajar di pusat-pusat tingkatan enam, dan Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BPTV).

Manakala, bantuan juga diberikan melalui Skim TVET yang mula diperkenalkan pada tahun 2023 - Kohot pertama seramai 64 pelajar, kohot kedua seramai 94 pelajar, dan kohot ketiga seramai 51 orang. Bagi kohot pertama, 80% telah berjaya menamatkan pengajian, manakalah kohot kedua dan ketiga masih dalam proses pengajian.

No. Soalan: PT063**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hala tuju strategik Program Ri'ayah Wa Mahabbah (PRWM) dalam usaha meningkatkan pencapaian mampan pelajar-pelajar kurang berkemampuan? Adakah Kementerian telah melaksanakan penilaian menyeluruh terhadap impak program ini sejak ia bermula pada 2014 untuk mengenal pasti kelemahan serta menambah baik pelaksanaan dan keberkesanannya. Apakah hasil penilaian tersebut (jika berkenaan)?

JAWAPAN:

Terima kasih **Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam** atas soalan yang diajukan.

Program Ri'ayah Wa Mahabbah (PRWM) dilaksanakan bukan hanya khusus untuk mensasarkan peningkatan peratus pencapaian pelajar memperolehi gred A-C dalam Peperiksaan Sekolah Rendah (PSR), malah turut bertujuan memberikan akses pendidikan yang saksama khusus kepada pelajar dikalangan keluarga berpendapatan rendah serta mereka yang menghadapi isu kehadiran ke sekolah. Di antara objektif strategik program ini adalah:

1. Memberikan kemudahan tempat tinggal bagi murid-murid yang menghadapi masalah kehadiran kurang dari 85%;
2. Memberikan kemudahan asrama dan kenderaan bagi menangani masalah sosial dan isu kehadiran;
3. Memastikan murid-murid berkenaan tidak ketinggalan dari segi pembelajaran atau tercicir daripada alam persekolahan; dan
4. Menyediakan persekitaran yang kondusif bagi memastikan pertumbuhan sosial dan perkembangan akademik yang positif.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah sentiasa melaksanakan penilaian secara berterusan terhadap pelaksanaan program ini bagi tujuan pemantauan dan penambahbaikan program untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar. Dari hasil penilaian, secara umum terdapat peningkatan dalam kadar kehadiran ke sekolah, pengukuhan asas keagamaan melalui aktiviti keagamaan (seperti solat berjemaah, tazkirah dan bacaan Surah Yasin), peningkatan keupayaan pelajar dalam aspek pengurusan diri dan kebersihan.

Alhamdulillah, dari aspek akademik pula, memang terdapat peningkatan dalam pencapaian pelajar memperoleh gred A-C dalam Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) sejak program ini mula diperkenalkan, iaitu dari 12.94% pada tahun 2014 kepada 33.33% pada tahun 2024. Di samping itu, terdapat juga pelajar program ini yang telah dianugerahkan biasiswa BIBD Bursari.

InsyaAllah, Kementerian Pendidikan akan terus menilai dan memantau keberkesanan program ini, serta melaksanakan penambahbaikan dalam memastikan penyediaan prasana pembelajaran yang pro-akademik dan mampan, seterusnya meningkatkan pencapaian akademik, kesejahteraan dan pembangunan sahsiah pelajar.

No. Soalan: PT080

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian telah menjalankan penilaian menyeluruh mengenai kekurangan nutrisi dalam kalangan murid di kawasan Sungai Bunga yang telah dilaporkan mengalami kekurangan nutrisi, terutamanya dari keluarga berpendapatan rendah? Adakah terdapat rancangan untuk memperkenalkan semula program pemakanan sekolah sebagai sokongan kepada Wawasan Brunei 2035?

JAWAPAN:

Terima kasih **Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat** atas soalan yang diajukan.

Setakat ini, tiada penilaian menyeluruh yang khusus dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan berkenaan kekurangan nutrisi di kalangan murid sekolah, termasuk murid Sekolah Rendah Tanjong Kindana di kawasan Sungai Bunga.

Walaubagaimanapun, Sekolah Rendah Tanjong Kindana (SRTK) memang merupakan sekolah penerima bantuan penyediaan makanan melalui Program Harapan dan Anak Harapan (PHAH) kerana, melebihi tiga puluh peratus (30%) pelajarinya terdiri dari penerima Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan (BKPT). Pada tahun ini, 46 buah sekolah dengan keramaian pelajar seramai 9,082 orang adalah penerima bantuan berkenaan, termasuk 115 pelajar SRTK. PHAH ini merupakan tambahan kepada program Rancangan Permakanan Sekolah (RPS) yang mula dilaksanakan sejak tahun 1953, dengan pemberian makanan tambahan serta tenusu. Pada tahun 2025, 23,472 pelajar sekolah rendah dan asrama telah menerima manfaat skim ini.

Inisiatif bantuan permakanan ini jalankan tujuan untuk meningkatkan kehadiran ke sekolah, perkembangan fizikal dan kesejahteraan murid, terutama di kawasan pedalaman dan asrama.

Selain dari bantuan permakanan, Kementerian Pendidikan turut bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam melaksanakan program **Fit4Good** dan menguatkuasakan **Garis Panduan Kantin Sihat** di sekolah-sekolah. Langkah ini bertujuan untuk membentuk persekitaran sekolah yang menyokong gaya hidup sihat,

menggalakkan pemakanan seimbang, serta mencegah obesiti dan penyakit berkaitan pemakanan dalam kalangan pelajar.

No. Soalan: PT086

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**SOALAN:**

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status dan hasil dari *survey* mengenai sistem integrasi pendidikan negara yang telah dijalankan khusus bagi menjaga kesejahteraan guru-guru dan juga keberkesanan dan kualiti sistem pengajaran dan pembelajaran anak-anak di sekolah?

JAWAPAN:

Terima kasih **Yang Berhormat Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin** atas soalan yang diajukan.

Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perancangan Perkembangan dan Penyelidikan telah melaksanakan kaji selidik mengenai pelaksanaan Sistem Pengintegrasian pada bulan Julai hingga Ogos 2024.

Hasil daripada kaji selidik tersebut telah pun dikongsikan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengintegrasian untuk tindakan penambahbaikan. Antara dapatan kajian hasil dari maklumbalas guru-guru, berserta tindakan yang telah serta sedang dilaksanakan ialah:

1. Prasarana:

- **Dapatan** – Terdapat keperluan untuk menambahbaik beberapa kemudahan prasarana sekolah seperti bilik ibadah / solat, tempat berwudhu, tandas, bilik persalinan dan ruang makan.
- **Tindakan** - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet secara berterusan melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan dan penaiktarafan prasarana sekolah mengikut keperluan, untuk memastikan keselesaan guru-guru dan pelajar-pelajar.

2. Kesejahteraan Guru:

- **Dapatan** – Terdapat guru-guru yang mempunyai jadual pengawasan yang tidak seimbang dan isu keseimbangan waktu kerja.
- **Tindakan** - Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan sistem bekerja secara '*flexi hour*' dengan mengikut garis panduan waktu bertugas yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Di

samping itu, penyusunan jadual pengawasan murid juga dilaksanakan secara lebih teratur bagi memastikan guru-guru dapat menjalankan tugas mereka dengan seimbang.

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan sentiasa komited dalam memperkukuhkan pelaksanaan sistem pengintegrasian ini melalui pemantauan yang berterusan dan pelaksanaan kajian yang komprehensif bagi menilai tahap keberkesanannya.

No. Soalan: PT074**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk memastikan graduan institusi pengajian Islam dapat diintegrasikan dalam pembangunan ekonomi digital patuh syariah khususnya dalam aspek pematuhan syariah, fintech Islam dan inovasi halal di bawah Rangka Kerja MTIC?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin di atas soalan mengenai pengintegrasian graduan institusi pengajian Islam dalam pembangunan ekonomi digital patuh Syariah.

Di bawah Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 (Digital Economy Masterplan 2025) Negara Brunei Darussalam, pembangunan bakat dan tenaga kerja (manpower and talent capability) merupakan salah satu strategi teras untuk menjadikan negara sebagai Smart Nation melalui Transformasi Digital. Pendekatan ini merangkumi institusi pengajian tinggi Islam sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi digital yang patuh syariah dan beretika. Walau bagaimanapun, strategi teras tersebut tidak menghadkan kepada graduan institusi pengajian Islam. Bahkan pelan induk tersebut lebih melihat kepada bagaimana kita memanfaatkan teknologi digital dalam masa yang sama masih merangkumi pematuhan Syariah (Syariah compliance).

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), melalui Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI), telah melaksanakan beberapa program yang memfokuskan kepada pembangunan inovasi digital, yang boleh dimanfaatkan oleh para pelajar serta golongan belia, termasuk penuntut dan graduan dari institusi-institusi pengajian tinggi. Antara program yang sedia ada pada masa ini adalah seperti berikut:

- I. Startup673 National Hackathon yang diterajui oleh Brunei Innovation Lab (BIL) dengan kerjasama AITI, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan LiveWire. Ianya merupakan usahasama yang menggalakkan golongan para belia dan usahawan muda membentuk pasukan, mengenal pasti cabaran industri, dan membangunkan penyelesaian inovatif dalam pelbagai bidang seperti kelestarian, kesihatan dan pendidikan;

- II. Tech Immersion, iaitu salah satu inisiatif AITI yang menawarkan latihan teknikal secara intensif selama lima (5) minggu berterusan untuk membantu syarikat permulaan (start-up) tempatan membina produk minimum yang boleh dilaksanakan (Minimum Viable Product – MVP) berdasarkan masalah industri sebenar, dengan fokus pada teknologi seperti Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligent) dan data analytics; dan
- III. Brunei ICT Awards (BICTA), iaitu pertandingan tahunan yang dianjurkan bersama oleh MTIC, AITI dan InfoCom Federation Brunei (IFB), bertujuan untuk merangsang kreativiti dan inovasi dalam sektor ICT di kalangan individu, pelajar, usahawan dan organisasi.

Melalui usahasama dan program-program tersebut, sukacita dikongsikan bahawa satu syarikat Pemula (Startup) dimiliki sepenuhnya oleh lepasan graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), iaitu Maqra'ah Intelligent telah berjaya menghasilkan satu platform inovatif pembelajaran Al-Quran yang mengintegrasikan Kecerdasan Buatan khusus bagi meningkatkan pembelajaran dan bacaan Al-Qur'an. Produk ini dapat menyediakan persekitaran yang mudah diakses, interaktif, dan pintar bagi menguasai sebutan huruf Arab yang betul (Makhraj Huruf) serta membaca Al-Qur'an dengan tepat disesuaikan bagi pengguna dari pelbagai golongan termasuk pelajar dan para ilmuwan. Syarikat tersebut juga merupakan penerima Merit bagi Anugerah BICTA 2024 dan APICTA 2024.

Di samping itu juga, melalui pertandingan BICTA yang dianjurkan secara tahunan, peserta Sign Speak dan Rubbish on Demand masing-masing daripada Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Katok dan Ma'had Islam Brunei telah berjaya meraih kedudukan di BICTA dan seterusnya mewakili negara ke pertandingan peringkat serantau iaitu Asia Pacific ICT Alliance (APICTA) Awards, di mana kedua-dua projek telah dianugerahkan Merit. Jumlah penyertaan daripada institusi-institusi pengajian Islam ke pertandingan BICTA juga menunjukkan peningkatan setiap tahun, mencerminkan penglibatan aktif mereka dalam menyumbang pembangunan ekonomi digital serta potensi besar bakat dalam bidang teknologi dan inovasi.

Turut dikongsikan juga, semasa pandemik COVID-19, Negara Brunei Darussalam telah mempercepatkan penggunaan teknologi digital untuk mengekalkan daya tahan ekonomi dan penyampaian perkhidmatan awam, tanpa menjejaskan prinsip Syariah. Sebagai contoh:

- I. eZakat – Pembayaran Zakat Secara Digital

Dilancarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bersama DST dan BIBD, platform eZakat membolehkan umat Islam membayar zakat fitrah

secara dalam talian semasa bulan Ramadhan. Pematuhan Syariah dijamin oleh embayaran digital adalah sah dari segi hukum Islam. Pilihan pembayaran termasuk DST eZakat dan BIBD QuickPay, menjadikan proses lebih mudah dan selamat semasa wabak.

II. Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) – Perbankan Digital Patuh Syariah

BIBD memperkenalkan pelbagai produk kewangan digital seperti e-wallet, kad debit berasaskan Wakalah dan Ujrah, serta platform pembayaran dalam talian. Semua produk dan perkhidmatan ditapis oleh Shariah Advisory Body (SAB) untuk memastikan pematuhan kepada hukum Syariah.

III. Proses Perkahwinan Semasa Wabak Majlis Akad Nikah dilaksanakan dengan garis panduan ketat oleh Mahkamah Syariah yang mana acara untuk diadakan di kediaman masing-masing dengan kehadiran maksimum 10 orang sahaja – pengantin, wali, saksi, jurunikah dan ahli keluarga terdekat. Jurunikah tidak bersalaman dan hanya membaca doa pendek, bukan khutbah nikah. Perkara ini juga mengambilkira dalam mematuhi SOP Kementerian Kesihatan.

Insyallah, Kementerian ini akan terus meneliti dan menyambut baik sebarang saranan mengenai keberkesanan program dan inisiatif berhubung dengan pembangunan inovasi termasuk membuka peluang bagi graduan institusi pengajian Islam berkaitan dengan inovasi halal yang bersesuaian ke arah pembangunan ekonomi digital

No. Soalan: PT079**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF****SOALAN:**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh MTIC untuk melaksanakan rancangan 2020–2022 untuk menaik taraf sistem pengangkutan awam dalam mengurangkan kesesakan, meningkatkan rangkaian *connectivity* seluruh negara, merangsang ekonomi dan memudahkan pelancong, memandangkan fasiliti seperti hentian bas dan kekerapan perkhidmatan masih di tahap yang tidak memuaskan?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof di atas soalan mengenai penaiktarafan sistem pengangkutan awam termasuk fasiliti hentian bas dan kekerapan perkhidmatan.

Berhubung dengan perkara ini, antara projek di bawah RKN12 adalah berkenaan dengan Sistem Pengangkutan Awam yang meliputi pembinaan dan pengemaskinian tiang-tiang serta pondok-pondok bas di seluruh negara. Selain itu, pembinaan dan penambahbaikan infrastruktur pengangkutan awam, seperti menaiktaraf bangunan terminal bas di Kuala Belait dan Seria, serta pembinaan baharu perhentian pertukaran bas di Lugu, Sengkurong dan Labu Square, termasuk perhentian bas di Pekan Bangar merupakan antara perkara-perkara yang telah dikenalpasti di bawah projek berkenaan. Mengenai dengan projek sistem pengangkutan awam, untuk makluman Yang Berhormat Pehin, terdapat sejumlah 14 cadangan (proposal) telah diterima setelah tarikh tutup RFP pada 11 Mac 2025, yang mana 13 buah adalah terdiri daripada syarikat tempatan termasuk yang mempunyai hubungan rakan kongsi dari luar dan satu (1) buah dari syarikat luar negeri.

Sehubungan itu, satu Jawatankuasa Penilaian 'Request for Proposal (RFP) To Provide, Operate, Manage and Maintain Public Transport Services in Brunei Darussalam' telah ditubuhkan untuk menilai RFP tersebut serta mengemukakan cadangan sokongan. Jawatankuasa berkenaan mempunyai ahli-ahli yang terdiri dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Kementerian Kewangan dan

Ekonomi, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan, Jabatan Pengangkutan Darat dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB).

Turut juga dikongsikan adalah mengenai modaliti operasi (operational modaliti) yang mana cadangan yang terpilih akan diberikan kontrak secara konsensi (consensus contract) dalam jangka masa yang panjang. Modaliti ini bertujuan untuk memastikan pengurusan, operasi dan penyelenggaraan perkhidmatan awam yang berterusan mengikut peraturan regulatori dan keperluan strategik.

Untuk makluman Yang Berhormat seterusnya, pembinaan pusat pengawasan kenderaan juga akan dibangunkan dengan tujuan untuk mengawasi dan memelihara keadaan pemanduan serta kenderaan pengangkutan awam dan kenderaan komersial agar lebih selamat. Oleh itu, pembangunan Sistem Pengangkutan Pintar (Smart Transportation System, STS) akan digunakan bagi membantu dalam pengawasan keadaan pemanduan dan kenderaan tersebut.

Status projek-projek ini ada yang masih dalam reka bentuk, manakala sebahagiannya lagi adalah sedang dalam pelaksanaan. Perlaksanaannya akan disegerakan secara berperingkat-peringkat dan dijangka akan siap pada tahun 2027.

No. Soalan: PT094**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN****SOALAN:**

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** menyatakan apakah pelan Kementerian untuk berkongsi draf Rancangan Induk Pengangkutan Darat secara terbuka agar Kementerian lain, pihak berkuasa tempatan dan pihak berkepentingan dapat memberikan input serta bersedia untuk pembinaan infrastruktur, penyesuaian guna tanah dan integrasi sistem semasa?

JAWAPAN:

Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin di atas soalan mengenai perkongsian Rancangan Induk Pengangkutan Darat secara terbuka.

Sukacita dimaklumkan bahawa Pelan Induk Pengangkutan Darat (Land Transport Master Plan, LTMP) yang sedia ada adalah masih sah dan boleh diperolehi melalui laman sesawang Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, melalui pautan <https://www.mtic.gov.bn/sitepages/digital-library.aspx>.

Walaupun secara amnya, objektif strategik dan cadangan umum dokumen tersebut kekal relevan, pihak Kementerian ini telah menyemak dan mengemaskini Rangka Tindakan sebagai asas projek dan inisiatif kepada enam (6) bidang berikut:

- Meningkatkan kesalinghubungan;
- Meningkatkan kebolehpercayaan;
- Melabur dalam Infrastruktur;
- Memanfaatkan teknologi;
- Memperbaharui struktur industri; dan
- Mengukuhkan tadbir urus Pengangkutan Awam

Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Pandu Meningkatkan Sistem Pengangkutan Awam yang memang wujud adalah terdiri daripada Setiausaha-Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Pejabat Peguam Negara.

Jawatankuasa Pandu tersebut berperanan sebagai platform utama untuk membincangkan hala tuju strategik, mengenal pasti keutamaan tindakan, serta memastikan penyelarasan antara agensi-agensi berkepentingan. Melalui platform ini, proses perancangan dan pembangunan Pelan Induk Pengangkutan Darat (LTMP) adalah dilakukan secara telus dan inklusif.

No. Soalan: PT045

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah kes pengabaian, keganasan atau kesunyian yang dilaporkan melibatkan warga emas sejak tahun 2020? Apakah pelan sokongan jangka panjang kerajaan bagi memperkukuh penjagaan komuniti serta pendaftaran penjaga utama bagi golongan ini?

JAWAPAN:

1. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed atas pertanyaan mengenai jumlah kes pengabaian, keganasan atau kesunyian warga emas dan pelan sokongan jangka panjang kerajaan bagi memperkukuh penjagaan komuniti serta pendaftaran penjaga utama.
2. Warga emas yang berdepan dengan pelbagai bentuk kerentanan telah menerima intervensi melalui Projek Memeduli Warga Emas (PMWE) yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Kes-kes yang ditangani merangkumi pengabaian oleh ahli keluarga, konflik kekeluargaan, hidup sebatang kara, kesunyian, kesempitan kewangan, serta situasi di mana warga emas ditinggalkan atau terlantar di hospital tanpa penjaga. Data yang direkodkan menunjukkan bahawa isu kebajikan warga emas kekal sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian berterusan. Pada tahun 2020, sebanyak 26 kes telah dilaporkan, diikuti peningkatan ketara kepada 84 kes pada tahun 2021. Jumlah ini menurun kepada 32 kes pada tahun 2022, namun kembali meningkat kepada 44 kes pada tahun 2023 dan 57 kes pada tahun 2024. Bagi tempoh Januari hingga Julai 2025 sahaja, seramai 56 orang warga emas telah menerima intervensi di bawah PMWE. Pola statistik ini mencerminkan keperluan berterusan untuk intervensi, meskipun berlaku turun naik dari tahun ke tahun, sekali gus menekankan kepentingan sistem sokongan yang konsisten dan responsif terhadap keperluan warga emas.
3. Selaras dengan dasar *Family First* yang menjadi prinsip utama JAPEM dalam penjagaan sosial, setiap kes yang diterima akan diusahakan penyelesaian melalui penglibatan aktif ahli keluarga terdekat terlebih dahulu. Bagi tujuan ini, konferens keluarga akan dianjurkan bersama ahli keluarga beserta agensi berkepentingan seperti Kementerian Kesihatan, Ketua Kampung dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) untuk mencapai keputusan kolektif yang terbaik dan berdaya tahan dalam menentukan bentuk penjagaan yang sesuai bagi warga emas berkenaan.

4. Dalam masa yang sama, JAPEM turut memperkukuh pendekatan berasaskan komuniti dengan menjalin kerjasama erat bersama Ketua Kampung, MPK serta kumpulan sukarelawan belia daripada institusi pengajian tinggi dan badan bukan kerajaan (NGO). Melalui inisiatif ini, pelbagai aktiviti komuniti telah dilaksanakan termasuk kempen kebersihan rumah warga emas, lawatan sokongan psikososial, dan bantuan fizikal bagi keperluan harian mereka.
5. Bagi warga emas yang ada masalah kenderaan ataupun tiada ahli keluarga untuk membawa warga emas tersebut, perkhidmatan penghantaran dan pengambilan perjanjian di hospital atau klinik kesihatan kerajaan turut disediakan dengan kerjasama Brunei Red Crescent (BRC). Ini bagi memastikan warga emas tersebut tidak terputus daripada mendapatkan rawatan kesihatan asas secara berkala. Selain itu, perkhidmatan penghantaran ubat secara bulanan ke kediaman mereka juga dilaksanakan bagi mengelakkan keperluan mereka menunggu lama di farmasi hospital dan klinik kesihatan, di samping mengurangkan risiko kepada kesihatan mereka.
6. JAPEM juga menyediakan bantuan secara *in-kind* kepada warga emas yang terlantar. Bantuan ini merangkumi keperluan bukan asasi seperti lampin pakai buang dan susu khas yang diagihkan melalui permohonan Sistem Kebajikan Negara (SKN). Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh warga emas dan ahli keluarga mereka, tetapi juga membolehkan JAPEM melakukan pemantauan berterusan melalui lawatan rumah semasa penghantaran bantuan. Pelaksanaan bantuan ini dilaksanakan bersama sokongan Kumpulan Sukarelawan Komuniti Kebajikan (KSCK) dan para belia. Pada tahun 2025, setakat bulan Julai, seramai 90 orang telah menerima bantuan-bantuan *in-kind* tersebut.
7. Selain daripada sokongan bersifat bantuan langsung dan intervensi kes, usaha jangka panjang Kerajaan dalam membina sistem sokongan komuniti yang mampan bagi warga emas turut direalisasikan melalui penubuhan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di setiap daerah. PKWE berperanan sebagai pusat aktiviti yang menyediakan platform inklusif kepada warga emas untuk menyertai pelbagai aktiviti bermakna. Program yang dianjurkan merangkumi aktiviti keagamaan, senamrobik, kraf tangan, keusahawanan kecil-kecilan, serta latihan kemahiran teknologi maklumat agar warga emas tidak ketinggalan dalam arus digital negara. PKWE juga berfungsi sebagai tempat untuk mengurangkan kesunyian dan menggalakkan interaksi sosial dalam kalangan warga emas, khususnya mereka yang mengalami sindrom empty nest apabila tinggal bersendirian di waktu siang hari.
8. Selain berfungsi sebagai pusat aktiviti harian, PKWE juga berpotensi untuk dijadikan sebagai pusat sokongan komuniti atau *community support hub* bagi warga emas yang menghadapi kesukaran seperti hidup sebatang kara, masalah keluarga atau ketiadaan sokongan sosial. Melalui kerjasama dengan ketua kampung, sukarelawan dan agensi berkaitan, PKWE dapat menyelaras

lawatan ke rumah warga emas, menyampaikan bantuan keperluan asas, serta memberi sokongan psikososial dan moral secara berterusan. Pendekatan ini bukan sahaja membantu meningkatkan kesejahteraan warga emas, tetapi juga menggalakkan mereka untuk kembali menyumbang kepada komuniti dalam kapasiti yang bersesuaian.

9. Antara perkhidmatan perlindungan sosial di bawah Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya Penggal 18 ialah pemberian Pencen Umur Tua (PUT) sebanyak \$250 sebulan. Selain itu, warga emas yang disahkan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) turut layak memohon Elaun Kurang Upaya (EKU) sebanyak \$250. Antara keadaan yang melayakkan termasuk individu yang mengalami kelemahan kekal akibat '*stroke*', lumpuh atau tidak dapat bergerak (*bedridden*), bergantung sepenuhnya kepada kerusi roda (*wheelchair-bound*), amputasi, masalah penglihatan dan pendengaran, masalah neurodegeneratif seperti demensia atau Parkinson, atau lain-lain ketidakupayaan yang disahkan oleh pegawai perubatan Kementerian Kesihatan. Setakat bulan Jun 2025, seramai 1,067 orang warga emas menerima double benefit, iaitu mereka yang menerima kedua-dua PUT dan EKU secara serentak.
10. Strategi jangka panjang Kerajaan dalam memperkukuh penjagaan komuniti bagi warga emas merangkumi pendekatan menyeluruh yang berasaskan kepada nilai kekeluargaan, solidariti komuniti, kerjasama pelbagai agensi, serta pengiktirafan terhadap penjaga utama. Inisiatif-inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan dalam memastikan tiada warga emas yang terpinggir atau terabai dalam masyarakat, dan setiap individu yang meniti usia tua dapat menjalani kehidupan dengan bermaruah, selamat, aktif dan sejahtera.
11. Dalam konteks sokongan kepada penjaga utama, sejak 2021, Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya Penggal 18 memperuntukkan Elaun Penyedia Penjagaan (EPP) kepada individu yang menjaga warga emas yang juga merupakan penerima Elaun Kurang Upaya (EKU). Penjaga yang sah dan telah didaftarkan untuk menjalankan tugas penjagaan sepenuh masa layak menerima elaun sebanyak \$250 sebulan bagi setiap penerima EKU, dengan had maksimum dua penjagaan (berjumlah \$500 sebulan). Inisiatif ini bukan sahaja mengiktiraf peranan penting penjaga dalam menyumbang kepada sistem penjagaan tidak formal, tetapi juga menggalakkan lebih ramai individu dalam komuniti tampil memainkan peranan sebagai penjaga utama secara tersusun dan bertanggungjawab. Setakat Jun 2025, seramai 428 penerima EPP (15.6%) bagi penjagaan warga emas sahaja dari 2,735 jumlah keseluruhan penerima EPP yang berdaftar.
12. Secara keseluruhannya, strategi jangka panjang Kerajaan dalam memperkukuh penjagaan komuniti bagi warga emas merangkumi pendekatan menyeluruh yang berasaskan kepada nilai kekeluargaan, solidariti komuniti, kerjasama pelbagai agensi, serta pengiktirafan terhadap penjaga utama. Inisiatif-inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan

Kerajaan dalam memastikan tiada warga emas yang terpinggir atau terabai dalam masyarakat, dan setiap individu yang meniti usia tua dapat menjalani kehidupan dengan bermaruah, selamat, aktif dan sejahtera.

13. Sekian sahaja yang dapat diulaskan. Terima kasih.

No. Soalan: PT062**PERTANYAAN : BERTULIS****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH
BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejak penubuhannya, sejauh manakah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) telah mengenal pasti tren peningkatan isu sosial dan menilai impaknya terhadap masyarakat? Apakah inisiatif Kementerian untuk memperkasa MKIS sebagai entiti strategik berasaskan data, dengan penyelidikan, pemantauan berterusan, dan kerjasama rentas sektor yang aktif, bagi memperkukuh daya tahan sosial negara serta memastikan keberkesanan MKIS terhadap cabaran sosial yang semakin kompleks?

JAWAPAN:

1. Terima kasih Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam atas soalan mengenai peranan Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) dalam mengenalpasti tren peningkatan isu sosial dan impaknya terhadap masyarakat; pemerkasaan MKIS dan keberkesanan MKIS terhadap cabaran sosial yang semakin kompleks.
2. Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) berperanan sebagai platform kebangsaan peringkat Menteri yang menerajui dan memantau pelaksanaan tindakan-tindakan strategik bagi menangani pelbagai cabaran sosial yang semakin kompleks. Peranan ini dilaksanakan melalui konsultasi dan perbincangan berbagai-hala menerusi platform permesyuaratan sama ada di peringkat MKIS sendiri ataupun di peringkat Jawatankuasa - Jawatankuasa Khas yang telah dimandatkan dengan terma rujukan masing-masing. Peranan ini merupakan wadah penting bagi mengenal pasti isu-isu sosial utama yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat. Penilaian terhadap impak isu-isu ini dibuat secara menyeluruh berdasarkan hasil intervensi/ pendekatan agensi-agensi pelaksana, hasil dapatan penyelidikan yang

dijalankan serta maklum balas masyarakat yang diterima melalui pelbagai saluran.

3. Salah satu platform pemantauan yang digunakan oleh MKIS ialah melalui pelaksanaan beberapa Pelan Tindakan yang dirangka oleh setiap Jawatankuasa Khas di bawah MKIS, antaranya Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan, Pelan Tindakan Kegiatan Tidak Bermoral dan Pencegahan Jenayah, Pelan Tindakan Mentaliti Masyarakat, serta Pelan Tindakan Isu Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak. Setiap pelan tindakan ini memainkan peranan penting dalam menangani isu-isu sosial dengan lebih fokus, menyeluruh dan bersepadu.
4. Sebarang tren peningkatan berkaitan 12 isu sosial yang ditangani oleh MKIS adalah dipantau melalui pelaksanaan pelan-pelan tindakan ini, khususnya melalui pencapaian *Key Performance Indicators* (KPI) yang telah disasarkan dalam setiap pelan tindakan tersebut mengikut strategi dan inisiatif-inisiatif yang dipersetujui bersama.
5. Selaras dengan pelaksanaan Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan, Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang sepenuhnya dalam talian telah dilancarkan. Sistem ini diwujudkan dengan tujuan untuk memastikan pengagihan bantuan-bantuan kebajikan dilakukan dengan lebih teratur, telus dan berkesan. Selain itu, SKN juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh perumusan dasar serta pelaksanaan program intervensi pembasmian kemiskinan yang benar-benar berasaskan data.
6. Di samping itu, kerjasama MKIS dengan institusi penyelidikan turut diperkukuh melalui pelaksanaan kajian yang relevan, seperti kajian mengenai pembangunan wanita di Negara Brunei Darussalam. Ringkasan Eksekutif Kajian ini akan diterbitkan dalam versi awam (*public version*), sebagai rujukan dasar serta pengetahuan umum yang boleh dimanfaatkan oleh semua pihak.
7. Dalam konteks isu penyalahgunaan dadah, keperluan untuk membawa perkara ini ke peringkat MKIS telah dikenal pasti, sejajar dengan pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-nation*, yang menekankan kepentingan tindakan bersama antara pelbagai agensi dan lapisan masyarakat adalah sangat diperlukan. Ini membolehkan respons terhadap isu dadah dilaksanakan dengan

lebih tersusun dan berimpak tinggi, serta melibatkan pelbagai sektor yang berkepentingan.

8. Secara keseluruhannya, pendekatan yang berteraskan data, kerjasama pelbagai pihak serta penyelidikan berterusan yang diterajui melalui MKIS adalah sejajar dengan usaha memperkukuh daya tahan sosial negara. Ini penting bagi memastikan MKIS terus relevan dan berkesan dalam merespons cabaran-cabaran sosial yang semakin rumit dan pelbagai bentuk dalam landskap masyarakat masa kini.

i. Unit Pemulihan, Kompleks Rumah Kebajikan (KRK):

- (a) Tren kemasukan kes-kes pemulihan ke Kompleks Rumah Kebajikan sejak tahun 2019 hingga tahun 2024 secara keseluruhan menunjukkan penurunan yang signifikan iaitu dari 21 kes ke 9 kes (penurunan sebanyak 57%).\
- (b) Sebanyak 9 kes diterima pada tahun 2020 (penurunan 57%) dan 3 kes pada tahun 2021 (penurunan 86%). Penurunan ini disebabkan pandemik COVID-19 dan sekatan pergerakan semasa penularan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.
- (c) Tren kemasukan mula menunjukkan sedikit peningkatan bermula tahun 2022 (selepas pandemik COVID-19) hingga tahun 2024 namun tidak signifikan dan uniform (seragam) iaitu peningkatan:
 - 2 kes pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya (2021);
 - 3 kes pada tahun 2023 dari tahun 2022; dan
 - 1 kes pada 2024 dari tahun 2023.

ii. Unit Perlindungan, Kompleks Rumah Kebajikan (KRK):

- (a) Tren kemasukan kes-kes perlindungan ke Kompleks Rumah Kebajikan sejak 2019 hingga tahun 2024 secara keseluruhan menunjukkan penurunan yang sangat signifikan iaitu dari 63 kes ke 5 kes (penurunan sebanyak 92%).

-
- (b) Penurunan drastik kes-kes perlindungan dapat dilihat selepas pandemik COVID-19 iaitu bermula tahun 2022 (28 kes), tahun 2023 (13 kes) dan tahun 2024 (5 kes).